

**PENGGUNAAN TEROMBA DALAM PENGACARAAN
MAJLIS: SATU KESANTUNAN BAHASA**

FATAH ASWADI BIN NASRI

UNIVERSITI

MALAYSIA

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

KELANTAN

2023



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

**Penggunaan Teromba Dalam Pengacaraan Majlis:
Satu Kesantunan Bahasa**

**Fatah Aswadi bin Nasri
C19A0114**

**Tesis yang dikemukakan untuk memenuhi sebahagian daripada
syarat memperolehi ijazah Sarjana Muda
Pengajian Warisan dengan kepujian**

**Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan
Universiti Malaysia Kelantan**

2023

PERAKUAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi.

TERBUKA

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)

SEKATAN

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam teks (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah

Dari tarikh _____ sehingga _____

SULIT

(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut. Tesis adalah milik Universiti Malaysia Kelantan. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

Tandatangan Pelajar

Tandatangan Penyelia

Nama Pelajar: Fatah Aswadi Bin Nasri

Nama Penyelia: Dr.Nordiana

No. Kad Pengenalan: 990719055519

bt Ab Jabar

Tarikh: 14 Februari 2023

Tarikh: 14 Februari 2023

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmannirahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera

“Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang” segala puji ke hadirat ilahi, Yang Maha Pengampun lagi Maha mengasihani.

Bersyukur ke hadirat Allah dengan limpah kurnianNya akhirnya saya Berjaya menyiapkan penyelidikan ini dengan sempurna. Saya ingin merakam setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung. Pada kesempatan kali ini, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pensyarah saya iaitu Dr.Nordiana Binti Ab.Jaabar yang telah banyak memberikan tunjuk ajar dan bimbingan kepada saya untuk melaksanakan penyelidikan ini. Semoga segala jasa baik yang telah curahkan dibalas dengan ganjaran tertinggi serta memperoleh pentunjuk dan hidayah daripada Allah SWT.

Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada ibu bapa serta keluarga atas dorongan serta sokongan kepada saya sewaktu melaksanakan kajian ini. Seterusnya, saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan yang banyak membantu dari segi masa dan tenaga dalam menyempurnakan kajian ini. Setiap jasa serta pergorbanan yang telah diberikan oleh mereka amatlah saya hargai.

Akhir kalam, saya berharap kajian yang dijalankan ini dapat memberikan manfaat serta pendedahan kepada masyarakat agar generasi akan datang dapat menjadikannya sebagai sumber rujukan yang berilmiah dan bermanfaat. Segala kelemahan dalam penyelidikan ini datanhnya daripada kekurangan diri saya sendiri dan segala sifat yang baik datang daripada keizinan Allah SWT.

Sekian, Terima Kasih

KANDUNGAN	HALAMAN
PERAKUAN	i
PENGHARGAAN	ii
ISI KANDUNGAN	iii
SENARAI JADUAL	vii
ABSTRAK	viii
ABSTRACT	ix
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar belakang kajian	5
1.3 Permasalahan kajian	6
1.4 Persoalan kajian	8
1.5 Objektif kajian	8
1.6 Kepentingan kajian	8
1.7 Definisi konsep	9
1.8 Batasan kajian	11
1.9 Kesimpulan	11
BAB 2 KAJIAN LITERATUR	
2.1 Pengenalan	13
2.2 Kajian tema teromba	13
2.3 Kajian tema pengacaraan majlis	18
2.4 Kajian tema kesantunan	20
2.5 Kajian tema teori Kesantunan Bahasa Leech (1983)	23

2.6	Kesimpulan	25
BAB 3 METODOLOGI KAJIAN		
3.1	Pengenalan	26
3.2	Reka bentuk kajian	26
3.2.1	Kaedah analisis teks	27
3.2.2	Kaedah pengumpulan data	27
	3.2.2.1 Kaedah Kepustakaan	28
	3.2.2.2 Kaedah melayari internet	28
3.3	Penerapan teori	28
3.3.1	Teori Kesantunan Bahasa Leech (1983)	29
3.4	Kesimpulan	30
BAB 4 HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN		
4.1	Teromba yang digunakan dalam pengacaraan majlis	
	4.1.1 Pengenalan	32
	4.1.2 Teromba yang disampaikan pada permulaan majlis	35
	4.1.3 Teromba yang memberi pujian di dalam majlis	37
	4.1.4 Teromba yang menyampaikan nasihat di dalam majlis	39

4.1.5	Teromba yang disampaikan untuk pemimpin di dalam majlis	41
4.1.6	Teromba yang menyampaikan kata-kata adat di dalam majlis	43
4.1.7	Teromba yang disampaikan pada akhir majlis	46
4.1.8	Penutup	48
4.2	Aspek kesantunan bahasa dalam teromba pengacaraan majlis	
4.2.1	Pengenalan	50
4.2.2	Teori Kesantunan Bahasa Leech (1983)	52
4.2.3	Dapatan Kajian	53
4.2.4	Maksim kebijaksanaan	54
4.2.5	Maksim dermawan	57
4.2.6	Maksim sokongan	59
4.2.7	Maksim rendah hati	63
4.2.8	Maksim sokongan	66
4.2.9	Maksim simpati	67
4.2.10	Kesimpulan	68

BAB 5 KESIMPULAN

5.1	Pengenalan	70
5.2	Rumusan kajian	71

5.3	Implikasi kajian	73
	5.3.1 Implikasi kajian kepada individu	73
	5.3.2 Implikasi kajian kepada masyarakat	74
	5.3.3 Implikasi kajian kepada negara	75
5.4	Cadangan	76
	5.4.1 Menerapkan pengajaran teromba di dalam silibus pendidikan	76
	5.4.2 Memperluas kajian tentang makna pada teromba	77
	5.4.3 Memperbanyak kajian dalam aspek kesantunan bahasa	77
5.5	Kesimpulan	78
RUJUKAN		79

SENARAI JADUAL

	Halaman
3.3.1 Model Kesantunan Leech (1983)	29
4.1.8 Bilangan teromba pengacaraan di dalam buku <i>Teromba Pengacaraan Majlis</i>	48
4.2.2 Model Kesantunan Leech (1983)	53
4.2.3 Maksim Kesantunan Bahasa di dalam buku <i>Teromba Pengacaraan Majlis</i>	54

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

Penggunaan Teromba Dalam Pengacaraan Majlis: Satu Kesantunan Bahasa

Abstrak

Teromba merupakan salah satu pantun tradisional yang sangat memainkan peranan penting dalam pembentukan masyarakat. Makalah ini ditulis untuk mengenal pasti dengan jelas unsur kesantunan bahasa yang wujud di dalam teromba. Penulisan dan penghasilan teromba dilengkapi dengan susunan dan gabungan perkataan yang berada pada peringkat tertinggi bahasa. Pada peringkat awal kajian juga telah terbukti jelas bahawa teromba itu kaya dengan bahasa yang cukup indah dan mempunyai masuk tesirat yang mendalam. Oleh itu, koleksi teromba yang telah dikumpulkan oleh Mohd Rosli Saludin di dalam buku *Teromba Pengacaraan Majlis (2009)* telah digunakan untuk menghasilkan analisis dengan lebih jelas. Kajian mengenai unsur kesantunan bahasa terhadap teromba ini dikatakan istimewa kerana bakal memberi input dan pendedahan kepada para pembaca tentang kewujudan jenis-jenis teromba pengacaraan majlis dan penerapan elemen kesantunan bahasa di dalam setiap bait teromba itu sendiri. Pada akhir kajian ini, pembaca akan mampu menilai dan memahami kepentingan pengacara majlis menggunakan teromba di dalam sebarang majlis untuk menzahirkan aspek kesantunan ketika mengacarakan majlis juga. Penulisan ini akan memberi gambaran umum bahawa masyarakat Melayu mempunyai tahap intelektual yang sangat tinggi kerana berjaya menyusun banyak pantun dan juga teromba yang kaya dengan penggunaan bahasa yang menarik.

Kata kunci: teromba; kesantunan bahasa; pengacara majlis

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

The Use of Teromba in Ceremonies: An Etiquette of Language

Abstract

Teromba is one of the traditional poems that play an important role in the formation of society. This paper was written to clearly identify the elements of language politeness that exist in the trombo. The writing and production of *teromba* is complemented by the arrangement and combination of words that are at the highest level of the language. In the early stages of the study, it has also been clearly proven that the *teromba* is rich in beautiful language and has deep implications. Therefore, the collection of *teromba* that have been collected by Mohd Rosli Saludin in the book *Teromba Pengacaraan Majlis* (2009) have been used to produce a more clear analysis. The study on the elements of language politeness towards the *teromba* is said to be special because it will provide input and exposure to the readers about the existence of the types of *teromba* in hosting the ceremony and the application of the elements of language politeness in each *teromba* stanza itself. At the end of this study, the reader will be able to evaluate and understand the importance of the host of the ceremony using the *teromba* in any ceremony to express the aspect of decency when hosting the ceremony as well. This writing will give a general impression that the Malay community has a very high intellectual level because they managed to compose many poems and also *teromba* that are rich with the use of interesting language.

Keywords: *teromba*; politeness of language; hosting

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Pengacaraan merupakan suatu seni bahasa dalam mengawal sesuatu majlis ataupun acara. Perkara ini juga dianggap sebagai salah satu kemahiran yang sangat penting bagi seseorang individu untuk memastikan segala aturcara dan juga perancangan majlis itu berjalan dengan lancar. Individu yang mengendalikan sesebuah majlis ataupun acara itu dipanggil sebagai pengacara. Tanpa insan yang bergelar pengacara ini majlis akan menjadi tidak terkawal dan tidak berjalan lancara kerana dalam proses mengacarakan majlis juga menerapkan unsur-unsur keindahan bahasa dan juga protokol yang cukup kemas dan teratur.

Menurut Noresah Baharu et al. (2010) memberi maksud pengacaraan majlis sebagai individu yang bertanggungjawab menguruskan persembahan acara-acara dalam satu pertunjukan, majlis atau perjumpaan orang ramai. Pengacara majlis juga boleh didefinisikan sebagai seseorang yang dilantik dan diberi tugas rasmi untuk mengendalikan sesebuah majlis mengikut aturan yang telah ditetapkan. Dalam kata lain, pengacara majlis juga biasanya dipanggil sebagai *MC* iaitu kata singkatan bagi perkataan *Master Of Ceremony* dalam Bahasa Inggeris.

Pada pandangan lain pula, mereka yang bergelar pengacara ini juga dianggap seperti memberi arahan kepada mereka yang menghadiri sesuatu majlis. Ataupun boleh

ibaratkan seperti seorang pemimpin yang sedang memberi arahan kepada pengikut-pengikutnya dan mereka dapat mengikuti dan memahami arahan itu dengan baik. Inilah yang dikatakan sebagai seni pengacaraan kerana dianggap sebagai suatu kemahiran berbahasa kerana tanpa penggunaan bahasa dan teknik yang betul dalam mengacara akan menyebabkan perkara-perkara yang tidak elok akan terjadi dalam sesuatu majlis yang cukup istimewa.

Pernyataan berkenaan pengacara majlis juga merupakan seorang pemimpin telah disokong oleh Nik Rashid (1993), pemimpin melibatkan penggunaan pengaruh. Kepimpinan juga merupakan usaha mempengaruhi seseorang untuk mencapai tujuan dan objektif yang sama secara kolektif. Menurut Abdullah (1998) pula, kepimpinan menggambarkan tingkah laku untuk mempengaruhi pihak lain supaya mereka sanggup dan sukarela untuk melakukan yang dikehendaki oleh pemimpin. Kesemua pendapat ini sangat berkait rapat dengan proses pengacaraan majlis kerana seorang pengacara akan memberi arahan kepada ahli majlis untuk dipatuhi supaya majlis kekal berjalan lancar

Majlis yang sering dikendalikan oleh pengacara majlis terdiri daripada beberapa jenis majlis iaitu majlis rasmi, majlis separa rasmi dan majlis tidak rasmi. Kesemua majlis ini mempunyai peraturan dan protokol yang berbeza-beza. Kebiasannya majlis rasmi atau majlis formal akan dihadiri oleh dif-dif kehormat seperti raja-raja, menteri-menteri dan terdapat sistem protokol yang ketat perlu dipatuhi oleh semua tetamu jemputan juga termasuk pengacara majlis. Antara contoh majlis tersebut ialah Majlis Sambutan Kemerdekaan Negara, Majlis Pertabalan Sultan dan Majlis Penganugerahan Pingat. Disebabkan wujudnya jenis majlis yang memerlukan protokol yang ketat, maka penggunaan bahasa yang tinggi dan sopan juga dititikberatkan dalam pengacaraan majlis.

Penggunaan bahasa yang kesat dan kasar memberi gambaran penutur yang kurang akal budi, manakala penggunaan bahasa yang sopan dan lemah lembut melambangkan

sifat mulia sesuatu kaum dan bangsa tersebut (Kamal Syukri Abdullah Sani, 2007). Menurut Asmah Haji Omar (2000), kesantunan berbahasa bagi masyarakat Melayu yang berkait rapat dengan perasaan timbang rasa yang diberikan kepada pendengar oleh penutur melalui penggunaan bahasa yang halus untuk menyampaikan sesuatu mesej atau pesanan kepada seseorang serta mengandungi ciri bahasa yang menghormati seseorang. Daripada kedua-dua pendapat ini, sudah tidak dapat dinafikan lagi bahawa bahasa Melayu dan juga masyarakat Melayu mempunyai nilai dan kesantunan budi yang sangat tinggi.

Perkara ini juga turut diterapkan dalam setiap penggunaan bahasa dan perkataan yang dituturkan oleh seorang pengacara ketika mengawal sesuatu majlis. Kepentingan penggunaan bahasa yang indah dan kemas dalam pengacaraan ialah kerana lazimnya seseorang manusia lebih gemar untuk mendengar pertuturan yang sopan dan juga lembut daripada seseorang. Selain daripada penggunaan bahasa dan kata yang sopan dalam pengacaraan, elemen puisi tradisional juga turut ditambah dalam setiap teks pengacaraan majlis untuk mengekalkan lagi adat dan juga budaya sebagai bangsa dan orang Melayu. Puisi tradisional seperti pantun ialah antara puisi yang sering digunakan oleh pengacara untuk menambahkan lagi perasaan seronok apabila mendengar pengacara mengendalikan majlis.

Teromba adalah ciptaan dan kepunyaan asli orang Melayu, ianya bukanlah adaptasi daripada puisi-puisi Jawa, India atau Cina. Ini bermakna, pantun merupakan puisi asli yang dimiliki oleh masyarakat Melayu serta paling awal muncul berbanding puisi yang lain (Harun Mat Piah, 1982). Dalam pernyataan ini, jelas menunjukkan bahawa pantun dan puisi tradisional merupakan satu kelaziman bagi masyarakat Melayu sejak zaman dahulu lagi.

Kehadiran teromba dalam setiap teks pengacaraan untuk sesebuah majlis itu juga terdapat pelbagai jenis penggunaannya. Antara contoh penggunaan puisi adalah seperti

pantun mengalukan kedatangan tetamu istimewa, pantun untuk menjemput bacaan doa, pantun untuk memuji tetamu yang istimewa dan juga pantun yang memberi nasihat secara umum kepada ahli di dalam majlis. Tanpa kehadiran pantun ini di dalam setiap majlis lebih-lebih lagi di majlis formal dan penuh beradat, majlis akan menjadi sedikit bosan kerana hilangnya penggunaan ataupun penerapan warisan sastera dan juga budaya bangsa Melayu itu.

Dalam kajian ini pengkaji telah tertarik untuk membuat penelitian terhadap penggunaan pantun adat di dalam teks pengacaraan majlis. Pantun adat itu telah merujuk kepada teromba yang menceritakan adat-adat di sesebuah negeri iaitu di Negeri Sembilan. Pantun adat itu juga dipanggil sebagai teromba. Teromba ialah satu bentuk undang-undang adat yang disampaikan dalam bentuk puisi. Adat yang dimaksudkan di sini ialah yang lebih dikenali sebagai Adat Minangkabau iaitu sama ada Adat Temenggung ataupun Adat Perpatih. Di Malaysia, Adat Perpatih hanya diamalkan oleh masyarakat di Negeri Sembilan.

Menurut Mohd. Taib Osman (1975), Teromba ialah pengucapan adat yang menerangkan perbilangan Adat Perpatih dan yang menerangkan perbilangan adat yang dasar. Harun Mat Piah juga ada mengatakan bahawa teromba mengandungi konotasi adat digunakan sebagai panduan dan amalan terutama Adat Perpatih dan Adat Temenggung yang sehingga kini masih digunakan di Minangkabau dan beberapa daerah di Negeri Sembilan dan Melaka (Harun Mat Piah, 1989). Berpandukan dua pandangan ini, kita dapat fahami bahawa masyarakat Negeri Sembilan sekarang pun masih menggunakan teromba sebagai sumber rujukan dan panduan dalam sistem Adat Perpatih yang diamalkan.

Jika dikaitkan dalam bidang pengacaraan majlis, teromba juga sering dijadikan unsur selingan dalam teks pengacaraan majlis. Di samping teromba itu menyampaikan

kandungan adat kepada masyarakat, teromba juga ada menyelit pesanan dan nasihat kepada pendengarnya. Bukan itu sahaja, teromba juga ada digunakan dalam setiap aturcara yang dijalankan dalam sesebuah majlis juga seperti pembuka kata juga. Nasihat yang terkandung dalam teromba juga mempunyai pelbagai jenis isu dan latar belakang yang berbeza. Hal ini menjadi pedoman dan pegangan dan panduan masyarakat melalui kesantunan berbahasa.

Secara kesimpulannya, kajian ini akan memfokuskan penggunaan teromba di dalam sebarang pengacaraan majlis yang melambangkan kesantunan berbahasa dalam mengacarakan sesebuah majlis lebih-lebih lagi jika majlis itu melibatkan acara dan adatnya. Penulisan ini juga akan cuba menyelami setia bait-bait teromba itu kerana penggunaan bahasa yang digunakan dalam teromba agak berbeza dengan puisi tradisional yang lain. Malah, teromba banyak menggunakan unsur perlambangan alam sebagai teras utamanya.

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Kajian ini ditulis khas oleh pengkaji untuk mengetengahkan lagi salah satu puisi tradisional yang menjadi warisan bagi bangsa Melayu iaitu teromba. Seperti yang sudah dijelaskan pada bahagian sebelum ini, teromba merupakan salah satu puisi yang menjadi tonggak kepada sesebuah masyarakat terutama di Negeri Sembilan. Hal ini dikatakan demikian kerana puisi ini menyumbang kepada pembentukan adat dan peraturan sejak dari zaman dahulu lagi. Antara keistimewaan kajian ini adalah pengkaji akan memfokuskan penggunaan teromba di dalam teks pengacaraan majlis. Sebelum ini, puisi ini hanya digunakan oleh orang-orang lama yang menjadi ketua adat di dalam setiap suku masyarakat di Negeri Sembilan. Dengan kata lain, teromba diibaratkan sebagai peraturan

yang cukup jelas untuk dipatuhi dan selari dengan Adat Perpatih yang diamalkan di Negeri Sembilan. Namun begitu, kajian ini pula akan mengenalpasti penggunaan teromba yang agak berbeza dengan yang lain iaitu teromba telah banyak digunakan dalam setiap teks pengacaraan majlis lebih-lebih lagi majlis yang melibatkan adat dan juga protokol.

Umumnya pengacara majlis merupakan individu yang sangat penting dalam mengendalikan sesebuah majlis sama ada besar mahupun kecil. Tanpa pengacara majlis segala agenda dan tentatif tidak dapat dijalankan dengan lancar. Dengan kata mudahnya, pengacaraan majlis merupakan salah satu seni memikat perhatian penonton ataupun ahli di dalam majlis. Maka, kajian ini akan menunjukkan perkaitan yang sangat jelas iaitu penggunaan teromba dalam teks pengacaraan majlis yang akan menambahkan lagi kecantikan dan keindahan di dalam sebuah majlis dan dapat menarik perhatian para tetamu untuk mendengarnya. Di samping menampilkan keindahan bahasa dalam pengacaraan majlis, para penonton juga dapat mengenalpasti ataupun mempelajari pelbagai lagi contoh teromba yang tidak pernah didengarkan sebelum ini.

Akhir sekali pengkaji akan menggunakan teori kesantunan berbahasa untuk mengukur nilai-nilai keindahan bahasa yang telah diterapkan dalam teromba pengacaraan majlis. Kupasan aspek ini akan membuktikan bahawa penggunaan teromba dalam pengacaraan majlis merupakan salah satu kaedah untuk membuktikan kesantunan berbahasa mengikut teori yang bakal digunakan.

1.3 PERMASALAHAN KAJIAN

Pada peringkat sorotan kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji terdapat beberapa masalah yang dapat dikesan melalui kajian-kajian yang dijalankan pada sebelum ini. Secara ringkasnya, telah banyak kajian yang dijalankan berkenaan dengan

teromba iaitu menceritakan tentang fungsi, struktur dan peranan teromba dalam masyarakat. Selain itu, pengkaji juga telah meneliti beberapa kajian berkenaan dengan pengacaraan majlis namun kebanyakan kajian hanya memfokuskan tentang aspek peranan pengacara majlis dan etika menjadi pengacara majlis sahaja. Oleh itu, masalah yang dapat dikesan melalui kesemua sorotan kajian ini adalah masih tiada lagi kajian yang dijalankan yang mengaitkan antara teromba dan juga pengacaraan majlis. Maka, kajian baharu yang akan dilakukan oleh pengkaji ini akan menjadikan kajian perintis yang bakal menghubungkan teromba dengan pengacaraan majlis. Terdapat juga beberapa masalah lain yang menjadi asbab kajian ini dihasilkan oleh pengkaji. Antaranya ialah masyarakat di negara Malaysia tidak mempunyai pendedahan dengan jelas tentang dunia pengacaraan majlis. Disebabkan itu, masyarakat juga akan kurang menceburi bidang pengacaraan dan menyebabkan bidang ini tidak mendapat sambutan di negara Malaysia. Pada pandangan masyarakat, pengacaraan ini adalah satu bidang yang susah dan hanya diceburi oleh mereka yang berbakat saja.

Pada sisi yang lebih penting, pengkaji juga mendapati bahawa puisi seperti teromba merupakan salah satu puisi yang kurang mendapat sambutan dalam kalangan para pelajar dalam bidang sastera mahupun masyarakat umum yang lain. Kurang mendapat sambutan itu merujuk kepada tidak banyak kajian yang dilakukan oleh pengkaji-pengkaji muda terhadap teromba ini malah teromba juga bukan salah satu puisi yang sering digunakan dalam kehidupan seharian.

Akhir sekali, antara masalah yang menjadi sebab kajian ini dihasilkan ialah masyarakat kurang menghayati dan memahami konsep kesantunan berbahasa. Perkara ini sering terjadi dalam golongan muda kerana mereka tidak lagi dapat membanding beza antara kata-kata yang mempunyai sopan santun ataupun tidak. Perkara ini sering dilihat dalam kehidupan seharian seperti percakapan kita bersama dengan pensyarah, ibu bapa

mahupun orang yang lebih tua daripada kita. Penggunaan kata-kata yang kesat ataupun kurang sesuai mengikut golongan yang tertentu menyebabkan pengkaji beranggapan bahawa itu merupakan salah satu kelemahan dalam menghayati konsep kesantunan berbahasa.

1.4 PERSOALAN KAJIAN

- 1) Apakah teromba yang digunakan dalam teks pengacaraan majlis?
- 2) Sejauhmanakah teromba dalam teks pengacaraan majlis memenuhi aspek kesantunan berbahasa?

1.5 OBJEKTIF KAJIAN

- 1) Mengenal pasti teromba yang digunakan dalam teks pengacaraan majlis.
- 2) Menganalisis aspek kesantunan berbahasa dalam teromba pengacaraan majlis.

1.6 KEPENTINGAN KAJIAN

Pengkaji telah menetapkan bahawa kajian ini bakal memberi kepentingan terhadap beberapa perkara. Antara kepentingan kajian ini adalah dapat membantu untuk menyelesaikan masalah mengenai kerelevanan teromba digunakan pada masa kini. Subjek utama dalam kajian ini adalah mengenalpasti beberapa jenis teromba yang digunakan dalam pengacaraan majlis. Penggunaan teromba yang pelbagai ketika mengacarakan majlis akan memberi pendedahan kepada para pembaca tentang keindahan

puisi itu. Kajian ini diharapkan menjadi titik permulaan kepada kajian teromba dalam aspek yang berbeza pula pada masa akan datang oleh para pengkaji yang lain.

Selain itu, kajian ini juga ada menyelitikan dimensi yang berbeza iaitu berkenaan dengan dunia pengacaraan majlis. Pada pendapat pengkaji, pengacaraan majlis merupakan salah satu kemahiran asas yang perlu ada dan dikuasai oleh semua pemimpin sesebuah organisasi. Hal ini dikatakan demikian kerana kemahiran dalam mengacarakan majlis juga sangat berkait rapat dengan kemahiran memimpin ataupun mempengaruhi seseorang. Oleh itu kajian ini akan memberi manfaat kepada pembaca untuk menelusuri dengan lebih lanjut berkenaan dengan bidang pengacara. Akhir sekali kajian ini akan memberi kepentingan kepada masyarakat terutama golongan muda untuk memahami dan menghayati konsep sebenar kesantunan berbahasa. Kajian ini akan menyediakan satu garis panduan yang jelas tentang aspek kesantunan berbahasa yang terdapat dalam teromba pengacaraan majlis. Perkara ini secara tidak langsung akan memberi pendedahan kepada mereka juga untuk berkomunikasi dengan lebih sopan santun dalam kehidupan seharian.

1.7 DEFINISI KONSEP

Menurut Harun Mat Piah (1989), telah menyatakan bahawa teromba ialah sebuah karangan berangkap dan sama seperti Puisi Melayu yang lain. Menurut Harun Mat Piah (1982) lagi, teromba adalah hasil ciptaan dan milik asli orang Melayu. Teromba ialah suatu susunan kata yang menerangkan tentang Adat Perpatih (Mohd Taib Osman, 1975). Harun Mat Piah (1989) ada mengatakan lagi berkenaan teromba bahawa puisi ini mengandungi panduan dan peraturan yang jelas tentang amalan Adat Perpatih yang masih digunakan oleh masyarakat di Negeri Sembilan dan Melaka. Teromba ialah undang-

undang adat yang disusun dalam bentuk puisi (Mohd Rosli Saludin, 2005). Berdasarkan beberapa pendapat daripada sarjana tentang istilah teromba, pengkaji dapat menyimpulkan bahawa teromba merupakan susunan kata-kata seperti puisi namun mempunyai bentuk yang tidak terikat. Fungsi teromba ini adalah menjadi pegangan adat dan amalan masyarakat yang mengamalkan Adat Perpatih di Negeri Sembilan.

Menurut Noresah Baharu et al. (2010) menceritakan istilah pengacaraan majlis sebagai individu yang bertanggungjawab menguruskan persembahan acara-acara dalam satu pertunjukan, majlis atau perjumpaan orang ramai. Menurut R. Tellimore (1991), pengacara majlis atau lebih mesra dipanggil master of ceremony, merupakan individu yang bertindak mengacarakan program di radio dan televisyen. Kelancaran, kejayaan, hidup dan matinya sesebuah majlis bergantung kepada pengacara majlis (Mohd Rosli Saludin, 2009). Melalui pendapat yang diberikan tentang frasa pengacara majlis, terdapat beberapa konsep yang disimpulkan iaitu pengacara majlis atau dikenali sebagai master of ceremony merupakan seseorang yang perlu mempunyai ilmu dalam mengawal sesebuah majlis supaya berjalan lancar mengikut aturan majlis yang telah ditetapkan.

Secara literalnya, kesantunan berbahasa merupakan gabungan dua perkataan yang berbeza. Kesantunan berbahasa ialah komunikasi yang mempunyai kehalusan dan kesopanan sama dituturkan atau ditulis dalam bentuk tulisan (Ahmad Juhari Moain, 2001). Manakala menurut Asmah (1996), kesantunan didefinisikan sebagai penggunaan kata-kata dalam kehidupan seharian yang tidak menimbulkan perasaan kurang senang pada pendengar. Malah, suatu amalan yang beradab dan tertib yang diamalkan oleh masyarakat dengan tujuan menjaga tatasusila dalam berinteraksi, perkara ini juga dikatakan merupakan konsep berbahasan. Oleh itu, melalui pandangan yang diberi oleh beberapa pengkaji tentang konsep kesantunan berbahasa, kesantunan berbahasa ialah suatu tindakan berkomunikasi yang boleh menyenangkan hati orang lain ketika

mendengar. Dalam kajian ini, pengkaji akan memfokuskan konsep kesantunan berbahasa yang dibawa oleh Leech pada tahun 1983.

Melalui kesemua definisi konsep pada setiap kata kunci kajian ini, sudah terbukti dengan jelas bahawa kajian membincangkan tentang teromba dalam pengacaraan majlis telah mencapai konsep kesantunan berbahasa yang telah digariskan Leech (1983).

1.8 BATASAN KAJIAN

Dalam kajian, pengkaji telah menetapkan beberapa batasan kajian supaya kajian bakal dijalankan lebih berfokus dan terperinci. Antara batasan kajiannya ialah kajian akan memfokuskan perbincangan tentang jenis puisi Melayu iaitu teromba. Pengkaji juga akan membuat kajian teromba yang telah digunakan dalam bidang pengacaraan majlis sahaja. Beberapa contoh teromba pengacaraan majlis bakal dirujuk daripada buku yang ditulis Mohd Rosli Saludin (2009) yang bertajuk *Teromba Pengacaraan Majlis*. Aspek kajian yang telah dibataskan dalam kajian ini ialah pengkaji akan mengukur aspek kesantunan berbahasa dalam teromba pengacaraan majlis. Teori ini yang bakal digunakan ialah teori kesantunan berbahasa yang dipelopori oleh Leech (1983).

1.9 KESIMPULAN

Kesimpulannya, kajian tentang *Penggunaan Teromba Pengacaraan Majlis sebagai satu Kesantunan Berbahasa* merupakan sebuah kajian baharu yang bakal membuka dimensi baharu dalam kalangan pembaca. Hal ini dikatakan demikian kerana tiada lagi kajian terdahulu yang telah menghubungkaitkan teromba pengacaraan majlis

dalam aspek kesantunan berbahasa. Kajian ini dikatakan juga sebagai kajian perintis yang juga akan membuka laluan baharu untuk pengkaji membuat kajian yang lain pula.

Dalam mendepani cabaran masa depan, kemahiran komunikasi sangat penting untuk dijaga oleh setiap individu. Namun, sebelum menginjak lebih jauh tentang kemahiran komunikasi yang pelbagai, aspek kesantunan berbahasa perlu dititikberatkan terlebih dahulu. Hal ini bermaksud komunikasi kita sehari-harian bersama orang lain perlu dijaga terlebih dahulu. Penggunaan bahasa kesat dan ayat pasar yang tidak sesuai menyebabkan masyarakat sudah hilang kesantunan berbahasa terutama dalam golongan muda.

Akhirnya, kajian ini juga bakal mengangkat semula kerelevan penggunaan teromba pada masa kini. Teromba merupakan salah satu puisi yang tidak patut dilupakan terutama masyarakat Negeri Sembilan. Tambahan pula, teromba banyak terkandung pelbagai nasihat yang berguna untuk semua walaupun bukan daripada masyarakat yang mengamalkan Adat Perpatih. Bahasa yang indah juga banyak digunakan dalam teromba untuk menunjukkan bahawa Puisi Melayu mempunyai kesantunan berbahasa juga.

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.1 PENGENALAN

Dalam memastikan kajian ini mencapai objektif utamanya, pengkaji telah menjalankan beberapa sorotan kajian terhadap kajian terdahulu. Antara tema yang telah ditinjau oleh pengkaji dalam sorotan kajian ini ialah terbahagi kepada empat tema iaitu Teromba, Pengacaraan Majlis dan juga Kesantunan Berbahasa. Hal ini untuk memastikan supaya laluan kajian yang bakal dihasilkan berada di landasan yang betul dan tidak menghasilkan kajian yang sama seperti telah dihasilkan oleh pengkaji sebelum ini. Kajian lepas yang digunakan juga merangkumi pelbagai jenis bahan ilmiah seperti jurnal, artikel, tesis, buku, rencana akhbar, dan majalah yang merupakan sumber sekunder. Rujukan juga tidak bertumpu dalam negara, juga ada melihat beberapa kajian di luar negara.

2.2. KAJIAN TEMA TEROMBA

Pengkaji mendapati bahawa tema teromba merupakan antara salah satu tajuk yang menjadi kegemaran bagi pengkaji yang lain untuk mengetahui lebih lanjut mengenai adat dalam masyarakat di Malaysia. Secara umumnya, kesemua kajian yang telah dihasilkan di dalam tema teromba dapat dibahagikan kepada empat aspek perbincangan yang besar. Berikut merupakan aspek yang telah diklasifikasikan sendiri oleh pengkaji berdasarkan

pembacaan kajian-kajian lepas. Antara aspek yang menjadi tumpuan para pengkaji untuk mengkaji teromba ialah aspek kepengaruhan teromba dalam kalangan masyarakat. Aspek ini berfokuskan tentang puisi teromba yang menjadi pegangan dan juga panduan masyarakat yang mengamalkan Adat Perpatih di Negeri Sembilan. Selain itu, pengkaji juga mendapati terdapat juga pengkaji lain yang telah menganalisis teromba dalam aspek sastera dan kebahasaan. Sebagai contohnya kajian itu telah meneliti gaya bahasa dan penggunaan kata dalam setiap bait-bait teromba tersebut.

Terdapat juga pengkaji yang telah menjalankan kajian berkenaan respon masyarakat setempat terhadap teromba itu sendiri. Aspek kajian ini merupakan kajian yang sangat menarik kerana telah menggunakan kaedah kajian kuantitatif untuk menilai fungsi teromba dalam kalangan masyarakat setempat. Akhir sekali, aspek kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji yang sebelum ini berkenaan dengan teromba ialah tentang pengurusan Adat Perpatih dalam kalangan masyarakat di Negeri Sembilan. Kajian seperti ini juga akan disisipkan tentang bahan-bahan sastera lama yang terkandung banyak sejarah yang menjadi pegangan dalam sesuatu pengurusan Adat Perpatih.

Antara kajian teromba yang menganalisis kepengaruhan teromba dalam masyarakat ialah kajian yang bertajuk *Teromba in the Context of Customs, Nature Elements and the Sustainability Challenges* oleh Rahman & Jafrey, (2021). Objektif kajian ini bertujuan untuk meningkatkan legasi penggunaan teromba yang semakin diancam kepupusan dan melihat dari konteks usaha yang dijalankan untuk memelihara teromba. Isu yang difokuskan dalam kajian ini juga untuk melihat penggunaan unsur alam kepada setiap teromba digunakan. Pengkaji berpendapat bahawa kajian ini merupakan salah satu kajian yang berkualiti kerana memfokuskan isu pemuliharaan dan pemeliharaan teromba dalam kalangan masyarakat di Malaysia. Menurut Hayani Zulkifli (2011), dalam kajian beliau yang bertajuk *Teromba Sebagai Alat*

Kawalan Sosial membincangkan pula bahawa teromba akan menyelamatkan manusia dan membawa kepada suasana hidup yang harmoni. Hal ini dikatakan demikian kerana teromba akan memberi panduan kepada masyarakat dalam aspek adat, undang-undang, masyarakat dan juga ekonomi. Tidak terkecuali ruang lingkup sosial juga ditambahbaik oleh kajian daripada Abu Bakar, Abdul Latiff and Saludin, Mohd. Rosli, (2004) yang bertajuk *Pantun dan Ungkapan Indah Adat Perkahwinan Melayu*. Kajian ini sudah siap sedia untuk menyediakan panduan kepada para pemimpin yang ingin menguruskan segala adat dan istiadat yang dijalankan dalam kalangan masyarakat di Negeri Sembilan. Adat itu juga termasuklah dalam majlis pertunangan dan pernikahan. Akhir sekali, kajian Teromba yang melibatkan aspek masyarakat ialah daripada Mat Piah, Harun (2004) yang bertajuk *Puisi Melayu Tradisional/Nasihat dan Pengajaran*.

Kajian ini terdapat perkaitan dengan teromba kerana merupakan salah satu contoh bagi puisi Melayu tradisional. Kajian ini menceritakan pengajaran dan bimbingan yang merangkumi semua peringkat umur iaitu kanak-kanak remaja dan dewasa. Bidang ilmu yang telah difokuskan dalam kajian ini ialah ilmu akhirat, ilmu dunia, kemahiran dalam pekerjaan, perniagaan dan kepimpinan. Kajian yang bertajuk *Nilai Nasihat dalam Puisi Melayu Teromba*, ditulis oleh Abdul Rahim Mohamad (2013), kajian ini pula menghuraikan tentang nilai-nilai nasihat yang terkandung dalam puis Melayu tradisioaal iaitu teromba. Kemudian nilai nasihat itu dikaitkan dengan Falsafah Pendidikan yang memenuh aspek jasmani, emosi, rohani dan intelektual. Kesimpulannya pengkaji mendapati bahawa terdapat lima kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji terdahulu dalam aspek fungsi teromba dalam kalangan masyarakat. Rata-ratanya teromba menjadi pegangan dan panduan hidup oleh masyarakat yang mengamalkan Adat Perpatih .

Kita lihat pula kajian-kajian terdahulu yang mengkaji aspek yang berbeza pula iaitu berkenaan dengan kesusasteraan dan kebahasaan. Kajian yang telah dijalankan oleh Anii Omar (2013), yang bertajuk *Keindahan Bahasa dalam Teromba Lambang Pemerkasaan Masyarakat Negeri Beradat*. Kajian ini menitikberatkan keindahan berbahasa dalam teromba yang menjadi pemeraksanaan adat dalam kalangan masyarakat di Negeri Sembilan. Ditekankan teromba menjadi peraturan lengkap dan panduan dalam aspek nilai kemanusiaan, berbudi luhur, hormat-menghormati, cinta-mencintai, bantu-membantu dan kerjasama dalam kalangan masyarakat. Terdapat juga kajian yang meneliti aspek yang sama iaitu dalam kajian yang bertajuk *Kesantunan Bahasa dalam Kata Perbilangan Adat Perpatih: Satu Tinjauan Awal* oleh Norhana Bakhary, Zaitul Azma Zainon Hamzah, Mohd Zariat Abd Rani, Omrah Hussin (2010). Kajian ini telah mengetengahkan teromba sebagai ‘sastera berfungsi’ untuk melihat penggunaan ungkapan kata-kata perbilangan adat sebagai pelengkap yang mengunci sendi adat.

Pengkaji bagi kajian ini telah menggunakan model kesantunan oleh Leech (1993) sebagai satu pendekatan pragmatik. Akhir sekali, kajian yang mengetengahkan aspek kebahasaan dan kesusasteraan ialah kajian yang bertajuk *Aspek Kesejajaran dalam Perbilangan Adat Berdasarkan Analisis Stilistik* oleh Mohammad Fadzeli Jaafar, Idris Aman dan Norsimah Mat Awal, (2017). Pengkaji beranggapan bahawa kajian ini merupakan kajian bersifat teknikal kerana telah memfokuskan unsur perulangan dan kesejajaran dalam perbilangan adat dan mengenal pasti pola dan makna kesejajaran mengikut peraturan kesejajaran yang telah dikemukakan oleh Short. Dalam kajian yang dijalankan oleh Norhayati Idris (1999) yang bertajuk *Gaya Bahasa Perbilangan Adat Perpatih*, kajian ini membincangkan tentang penggunaan gaya bahasa dalam setiap perbilangan yang mengandungi unsur konotatif dan denotatif. Kesimpulan ringkas pada bahagian ini, pengkaji dapat menyimpulkan bahawa aspek kesusasteraan dan kebahasaan

merupakan aspek yang kurang mendapat sambutan oleh para pengkaji dalam tema teromba. Mungkin aspek ini dikatakan terlalu teknikal dan kurang melihat kepada kesan pengamalan teromba kepada masyarakat.

Dalam melakukan kajian lepas ini pengkaji mengetahui bahawa terdapat juga kajian yang telah dijalankan dalam bentuk kuantitatif iaitu mengutip respon dalam kalangan masyarakat secara terus. Kajian bentuk ini telah dijalankan oleh Sri Qamariah Mohd Samsir, Norizah Ardi (Dr), Noriza Daud & Umaimah Kamarulzaman, (2014) yang bertajuk *Sikap Ketua Adat Terhadap Teromba*. Penulisan ini dikatakan menarik kerana telah menjalankan analisis terhadap sikap ketua adat dan anggota masyarakat. Antara respon yang telah didapati daripada soal selidik yang dijalankan ialah semua ketua bersikap positif terhadap teromba kerana mereka beranggapan bahawa teromba masih lagi berperanan dalam setiap ritual yang dijalankan di Negeri Sembilan. Masyarakat juga menunjukkan bersifat positif namun ada juga yang bersikap negatif kerana mereka tidak faham tentang teromba dan menganggap teromba melecehkan dan membebankan. Daripada kajian yang berbentuk kuantitatif ini pengkaji dapat menilai bahawa teromba masih lagi kekal relevan dalam kalangan masyarakat terutama di Negeri Sembilan malah usaha-usaha untuk mengekalkan teromba masih lagi perlu dijalankan secara aktif.

Pada aspek kajian yang terakhir terdapat juga kajian yang dijalankan agak berbeza daripada yang lain. Aspek kajian ini memfokuskan terhadap sistem pengurusan Adat Perpatih dan melihat kerelevanan teromba sebagai bahan sastera yang sangat penting bagi sistem tersebut. Antara tajuk kajian tersebut ialah *Management Of The Adat Perpatih Matriarchy in Negeri Sembilan* oleh Mohd Rosli Saludin, Nor S.Azima Ismail and Nor Azean Razali, (2020). Kajian ini telah menyetengahkan isu teromba digunakan sebagai sastera adat bagi menunjukkan peranan Ibu Soko dan melihat fokus kepada kepimpinan dan memberi faedah kepada Ibu Soko dan pengamal adat yang lain. Kajian lain yang

hampir sama dengan aspek kajian tentang pengurusan Adat Perpatih juga iaitu bertajuk *Tambo Pagar Ruyong versi Naning: Suatu Pengenalan Naskah* oleh Luqman Nulhakim Harzamar, Ahmad Hakimi Khairudin, Zahir Ahmad, (2018). Kajian ini mengisahkan tentang teromba yang berfungsi sebagai salah satu bahan rujukan sejarah kepada negeri Naning pada suatu ketika dahulu. Teromba ini mengisahkan tentang sejarah pembentukan kerajaan Melayu juga dimaksudkan tentang kisah Datuk Ketemenggungan dan Datuk Perpatih Nan Sebatang. Kesemua sejarah yang diceritakan akan menjadi pegangan hidup dan panduan bagi masyarakat pada ketika itu sehingga sekarang. Manakala kajian yang telah diketengah oleh Azyantee Mohd Zawawi (2013) yang bertajuk *Amalan Tabu Suku Mah Meri Tanjung Sepat*, Banting Selangor. Kajian ini memfokuskan perbincangan tentang tradisi dan adat dalam teromba berkenaan perkahwinan, pengebumian, kelahiran dan pekerjaan dalam kalangan suku kaum Mah Meri di Tanjung Sepat. Dalam kajian yang dijalankan pada tahun 2013 oleh Hajah Makiah Tussaripah Hj Jamil dan Jamaliah Mohd Taib yang bertajuk *Kajian Adat Perpatih di Negeri Sembilan; Satu Tinjauan menurut Perspektif Islam*. Kajian menyingkap satu senario berkenaan perkara pembahagian tanah yang telah digariskan dalam Adat Perpatih.

2.3 KAJIAN TEMA PENGACARAAN MAJLIS

Menurut berita yang disampaikan melalui Portal Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi, UPM Serdang. Dalam beritanya yang bertajuk *Tips Menjadi Pengacara Majlis* yang ditulis oleh Nazlina pada tahun 2012, berita ini berkongsi tentang beberapa pendapat berkenaan pengacara majlis iaitu seseorang individu yang sudah mempunyai bakat dalam pengacara majlis bakal memberikan kelebihan kepada individu tersebut. Pengacara majlis juga perlu mempunyai sikap seperti berani, yakin dan sanggup

menerima kritikan. Dalam perkongsian pendapat dalam berita ini, pengkaji mendapati bahawa pengacara majlis bukan sahaja perlu membaca teks tetapi juga perlu mempunyai keperibadian yang hebat juga.

Pendapat ini juga turut disokong oleh salah satu artikel dalam akhbar popular iaitu *Harian Metro*, yang ditulis oleh Fazurawati Che Lah pada tahun 2019. Dalam artikel ada mengeluarkan pendapat bahawa individu yang paling penting dalam mengemudikan sesuatu majlis ialah *master of ceremony* ataupun pengacara majlis. Terdapat juga ulasan artikel ini bahawa bukan mudah untuk menjadi pengacara majlis kerana memerlukan tahap kreativiti dan kelancaran bertutur. Pengacara majlis akan membuatkan kita mempelajari bahasa asing juga.

Pengkaji juga ada mengaitkan pendapat daripada satu laman sesawang yang bertajuk *Malaysian Press Institute* yang mengeluarkan artikel yang bertajuk *Pengacara Majlis perlu Bercerita bukan Membaca* yang ditulis oleh Norlida Jamain pada tahun 2021. Artikel ini membincangkan aspek kesediaan pengacara majlis yang membuat kajian tentang majlis. Pengacara majlis yang baik juga perlu bijak dalam aspek penyuaipadanan pakaian, kawalan pentas dan perlu pandai berkomunikasi dengan tetamu.

Kajian lepas juga turut diambil daripada buku yang bertajuk *Panduan Protokol dan Tata tertib Majlis* yang ditulis oleh Samsudin Wahab (2006). Penulisan dalam buku ini menggunakan istilah berbeza bagi pengacara majlis iaitu juruacara. Menurut buku tersebut, juruacara merupakan insan yang paling mengamalkan protokol dalam majlis. Terdapat juga diselitkan dalam buku itu pendapat daripada Mokhtar (1999), pengacara yang baik merangkumi suara yang baik dan lunak, fasih dalam penggunaan bahasa, dan tidak cacat anggota badan sewaktu menjalankan tugas.

Dalam perkongsian artikel oleh Mohd Hazri (2021) pula ada menjelaskan beberapa peranan pengacara majlis. Antaranya ialah pengacara majlis juga perlu

membuat pengumuman penting ketika majlis, memberi panduan yang jelas dan mudah difahami oleh hadirin tentang majlis yang sedang berjalan atau akan dijalankan.

Tidak dinafikan juga, kerjaya atau bidang pengacaraan majlis juga dapat tampan hebat daripada pelbagai pihak jika pengacara majlis tidak menjalan tanggungjawab dengan betul. Memetic artikel dalam talian yang bertajuk *Di Mana Adab dan Etika Pengacara* yang ditulis Muzlina Abu Bakar pada tahun 2021. Artikel ini menerangkan dengan lebih lanjut keperluan untuk menjaga adab dan etika ketika menjadi pengacara majlis. Antara keperluannya ialah pengacara memainkan peranan penting untuk membawa arah tuju sesuatu program. Tambahan lagi, pengacara juga boleh memberi cerminan keperibadiannya.

Secara kesimpulannya, pada bahagian kajian lepas yang bertemakan pengacara majlis ini, tidak banyak kajian yang dilakukan oleh pengkaji sebelum ini. Oleh itu, kajian yang lepas yang telah disorot oleh pengkaji kebanyakan berkisarkan tentang fungsi dan peranan pengacara majlis mengikut pendapat yang berbeza-beza. Namun begitu, aspek yang paling ditekan dalam menjadi pengacara majlis adalah kesediaan seseorang untuk mempelajari protokol dalam majlis dengan betul. Tugas sebagai pengacara bukanlah tugas yang ringan namun berat kerana amanah yang diberikan oleh pihak majlis untuk dilaksanakan dengan baik.

2.4 KAJIAN TEMA KESANTUNAN

Tema kesantunan berbahasa ialah salah satu aspek yang agak luas konteksnya. Oleh itu, pengkaji ada mengumpulkan beberapa pandangan berbeza mengikut kajian-kajian yang berbeza yang dijalankan oleh pengkaji lain. Menurut Mislikhah (2014), kesantunan berbahasa ialah suatu perilaku yang telah ditetapkan oleh sebuah masyarakat

juga dipanggil sebagai kesantunan. Perkara ini juga menjadi prasyarat yang telah dipersetujui dalam sesuatu perilaku sosial. Dalam kajian ini juga ada mengetengahkan konsep ketidaksantunan berbahasa iaitu seperti pengucapan yang tiada tujuan atau lidah berbelit dan pengucapan yang tidak berterus-terang.

Terdapat juga kajian yang dijalankan untuk mengukur kesantunan berbahasa sesebuah kelompok masyarakat. Kajian itu adalah seperti dijalankan oleh Desy Nur Cahyani dan Fathur Rokhman pada tahun 2017 yang bertajuk *Kesantunan Berbahasa Mahasiswa dalam Berinteraksi di Lingkungan Universitas Tidar*. Kajian ini menampakkan terus respon pelajar tentang tahap kesantunan berbahasa yang diamalkan. Tujuan kajian ini dilaksanakan adalah untuk melihat jenis tindak balas yang terhasil daripada tutur bahasa. Tindak balas tutur bahasa itupun akan dikaitkan dengan pematuhan konsep kesantunan berbahasa. Terdapat analisis dibuat dalam kajian ini untuk mengenal pasti faktor yang mempengaruhi kepatuhan terhadap kesantunan berbahasa itu.

Pendapat daripada Najihah (2005) dalam penulisannya yang bertajuk *Nilai Kesantunan dalam Konteks Sosiobudaya Masyarakat Melayu*, beliau menceritakan pula tentang keperluan untuk mengamalkan kesantunan berbahasa. Hal ini disebabkan oleh demi penjagaan maruah daripada malu dan aib, perkara ini pun mendorong Melayu begitu berhati-hati dalam setiap tindak-tanduk. Najihah (2005) juga menampilkan satu strategi yang dipanggil sebagai strategi ungkapan Rabbani. Strategi ini merujuk kepada kebesaran Allah SWT dan kekecilan manusia.

Pada perspektif Islam pula, kesantunan berbahasa turut dibincangkan oleh Wan Siti Fatimatul Akmal W. Hassan dan Suhaila Zailani @ Ahmad pada tahun 2019, dengan tajuk kajian iaitu *Strategi dan Panduan Kesantunan Berbahasa Mengikut Perspektif Islam*. Idea yang diketengahkan dalam kajian ini ialah garis panduan yang disediakan dalam Agama Islam berlandaskan dalil dan hadis, untuk mengelakkan

pergeseran dalam komunikasi yang menyumbang kepada ketidaksantunan berbahasa. Kajian ini juga telah disokong penuh oleh kajian lain yang bertajuk *Konsep Kesantunan Berbahasa dalam Islam* oleh Rusdi Room (2013). Beliau ada mengatakan bahawa konflik yang berlaku dalam interaksi mungkin berlaku disebabkan pembangunan karakter yang tidak baik dalam komunikasi dan tidak menerapkan unsur keislaman.

Terdapat juga kajian dijalankan ke atas bahan sastera seperti novel untuk mengukur kesantunan berbahasa. Menurut kajian yang bertajuk *Kesantunan Berbahasa dalam Tuturan Novel Para Priyayi karya Umar Kayam* pada tahun 2014. Kajian dijalankan bertujuan untuk mengkaji pengucapan yang digunakan oleh penulis novel Umar Kayam yang melambangkan kelembutan dan kesopanan penulis itu sendiri. Kajian ini berfokus kepada kajian analisis teks sahaja. Kajian lain turut dijalankan untuk menilai aspek kesantunan berbahasa pada bahan sastera yang berbeza selain novel. Kajian yang bertajuk *Kesantunan Berbahasa dalam Kumpulan Cerita Rakyat Nusa Tenggara Timur* yang ditulis oleh Yunitha Devrudya Doko pada tahun 2017. Kajian ini meneliti Kumpulan Cerita Rakyat Nusa Tenggara untuk memperjelas jenis-jenis maksim mengikut teori kesantunan berbahasa yang dikemukakan oleh Leech (1983).

Kita akan lihat pula aspek kesantunan berbahasa dalam bidang yang berbeza pula iaitu melalui kajian yang bertajuk *Kesantunan Berbahasa Kaunselor Pelatih dalam Sesi Kaunseling* oleh Wan Robiah Hj. Meor Osman dan Hamidah Abdul Wahab pada tahun 2018. Kajian ini mengukur aspek kesantunan berbahasa yang ada dalam interaksi antara kaunselor pelatih dan kliennya. Teori kesantunan berbahasa oleh Leech (1983) telah diaplikasikan dalam kajian ini. Seramai 30 orang kaunselor pelatih dirakam dan mentranskripsi perbualan mereka bersama klien untuk melihat kata-kata yang digunakan oleh kaunselor pelatih itu.

Secara rangkumannya, pengkaji dapat menyimpulkan berdasarkan kajian-kajian bertemakan kesantunan berbahasa ini, banyak juga kajian yang telah dijalankan dalam aspek ini. Kebanyakan kajian lepas berkisarkan untuk melihat ukuran kesantunan berbahasa dalam pada sesuatu subjek yang telah ditetapkan. Pengkaji-pengkaji sebelum ini juga bersetuju bahawa aspek kesantunan berbahasa ialah suatu sikap yang perlu diamalkan oleh semua pihak ketika menuturkan kata-kata atau berinteraksi bersama orang lain. Pelanggaran aspek kesantunan berbahasa akan menyebabkan kesan buruk kepada penuturnya juga.

2.5 KAJIAN TEMA TEORI KESANTUNAN BAHASA LEECH 1983

Pada bahagian ini, pengkaji akan menyorot beberapa kajian lepas yang telah menggunakan Teori Kesantunan Berbahasa Leech (1983) untuk melihat kepelbagai aspek kajian telah dikemukakan oleh pengkaji-pengkaji sebelum ini menggunakan teori ini. Dalam kajian yang bertajuk *Analisis Kesantunan Berbahasa Menurut Leech pada Tuturan Berbahasa Arab Guru Pondok Pesantren Ibnul Qoyyim Putra Yogyakarta* yang ditulis oleh Yeni Lailatul Wahidah dan Hendriana Wijaya pada tahun 2017. Kajian ini dihasilkan untuk mengetahui struktur pengucapan bahasa Arab yang digunakan oleh guru ketika mengajar di dalam kelas. Kaedah kualitatif digunakan dalam kajian ini dengan mengumpulkan data dengan cara berinteraksi dengan orang lain.

Dalam kajian lain pula, kesantunan berbahasa juga turut diukur menggunakan teori kesantunan berbahasa Leech namun pada subjek yang berbeza pula. Kajian yang bertajuk *Analisis Kesantunan Berbahasa di Lingkungan Terminal Sekitar Wilayah Bojonegoro dengan Prinsip Kesantunan Leech*. Kajian ini juga sama memfokuskan tentang menjelaskan kesantunan berbahasa kepada subjek yang telah dipilih. Turut

diterangkan juga ragam bahasa yang diamalkan dan dikira sebagai satu tindakan tidak santun.

Pengkaji turut melihat pada konteks yang lebih besar, teori kesantunan berbahasa Leech ini digunakan pada bidang yang sangat penting. Melalui jurnal yang bertajuk *Kesejajaran Kesantunan Bahasa dalam Perutusan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin dengan Prinsip Kesopanan Leech (1983)*. Secara asasnya, kajian telah menganalisis pola kesejajaran perutusan yang telah disampaikan oleh pemimpin dalam Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin yang telah menepati Prinsip Kesopanan Leech (1983). Dapatan kajian memperlihatkan bahawa perutusan yang disampaikan sangat signifikan dengan lima maksim, iaitu Kebijaksanaan, Kedermawanan, Sokongan, Persetujuan dan Simpati. Perkara ini membuktikan bahawa pengaplikasian kelima-lima maksim ini penting agar penyampaian maklumat lebih berkesan dan tidak menimbulkan sebarang konflik interaksi.

Dalam masa yang sama, pengkaji juga telah menyorot kajian yang mempunyai dimensi berbeza berbanding kajian di atas. Perkara itu telah dijumpai dalam kajian yang bertajuk *Eufemisme dan Disfemisme dalam Komunikasi Pelajar berdasarkan Prinsip Kesantunan Leech*, yang ditulis oleh Rahizian bt Mohd Shukor, Nur Farahkhann bt Mohd Rusli dan Kesavan Nallaluthan pada tahun 2014. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk menjelaskan penggunaan unsur eufemisme dan disfemisme dalam interaksi dan komunikasi berdasarkan Prinsip Kesantunan Leech (1993). Responden kajian telah dikutip daripada pelajar tingkatan 1, Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Haji Kamaruddin, Kuala Kubu Bharu, Selangor. Hasil dapatan responden mendapati bahawa maksim penghargaan dan maksim kerendahan sangat dominan dalam kalangan pelajar.

Rumusan daripada bahagian ini, pengkaji dapat menyimpulkan bahawa Teori Kesantunan Leech agak popular digunakan dalam kalangan pengkaji untuk mengukur

kesantunan dalam bahasa juga. Hal ini dikatakan demikian kerana teori ini terut menjelaskan dengan mudah tentang maksim yang boleh dikaitkan terus dengan aspek kesantunan sesuatu perkara. Oleh itu, kajian tentang kesantunan bahasa dalam teromba pengacaraan majlis bakal membuka ruang ilmu baharu dalam dunia akademik. Ini juga telah menunjukkan penggunaan bahasa masyarakat pada zaman dahulu masih penuh etika dan adab.

2.6 KESIMPULAN

Selepas melakukan beberapa kajian lepas terhadap kajian-kajian terdahulu, pengkaji mendapati bahawa kajian yang bakal dibuat ini iaitu Penggunaan Teromba dalam Pengacaraan Majlis, Satu Kesantunan Bahasa, merupakan satu kajian perintis. Kajian ini dianggap sebagai kajian rentas bidang kerana telah menggabungkan bidang sastera, bidang komunikasi dan linguistic serta adat yang terdapat di negara Malaysia. Malah, masih lagi tiada pengkaji sebelum ini yang telah mengaitkan teromba pengacaraan majlis bersama dengan Teori Kesantunan Leech. Turut dilihat juga bahawa tema pengacaraan majlis masih tidak banyak lagi kajian yang dihasilkan sebelum ini. Diharapkan pengkaji akan dapat menyambung atau menghasil lebih banyak lagi kajian tentang pengacaraan majlis. Akhir sekali, tema teromba merupakan tema yang popular dalam kalangan pengkaji dalam bidang sastera kerana banyak kajian yang telah dihasilkannya. Ini juga menunjukkan respon yang positif dalam dunia akademik kerana teromba masih lagi dikaj dan digunakan walaupun zaman telah beralih ke moden.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 PENGENALAN

Metodologi merupakan salah satu proses yang penting dalam sesebuah kajian kerana ingin melakukan penelitian terhadap sesuatu perkara dan mencari kebenaran ilmu pengetahuan (Wahyu Abadi, 2011). Dalam bab ini akan membincangkan kaedah dan metodologi yang bakal digunakan oleh pengkaji dalam kajian dalam menjawab semua objektif kajian yang telah ditetapkan. Antara aspek yang bakal disentuh dalam bab ini ialah analisis reka bentuk kajian, prosedur pengumpulan atau analisis data dan teori yang bakal diaplikasi nanti dalam kajian.

3.2 REKA BENTUK KAJIAN

Reka bentuk kajian ialah satu struktur acuan yang bakal digunakan untuk mendapatkan data, daripada siapa data itu diperolehi dan bagaimana data itu diperolehi. Ini secara tidak langsung akan menjawab objektif serta persoalan kajian yang telah dinyatakan. Menurut Yin (2009), reka bentuk kajian bakal menyelesaikan masalah yang logik dan juga tidak logik dalam kajian yang akan dijalankan. Menurut Othman Lebar

(2012) pula, reka bentuk kajian ialah satu langkah dan kaedah yang disusun rapi bagi menjelaskan proses kajian dijalankan.

3.2.1 KAEDAH ANALISIS TEKS

Kajian ini akan dijalankan dalam bentuk analisis teks. Analisis teks bermaksud merujuk sebarang teks untuk dijadikan bahan utama dalam analisis kajian. Segala bahan analisis teks itu juga boleh dicari menggunakan kaedah kepustakaan. Dalam kajian ini, pengkaji telah memilih buku yang bertajuk Teromba Pengacaraan Majlis yang ditulis oleh Mohd Rosli Saludin (2009). Pengkaji akan memilih beberapa teromba pengacaraan majlis yang terdapat dalam buku itu untuk membuat kajian dan pembuktian nanti.

3.2.2 KAEDAH PENGUMPULAN DATA

Data merupakan bahan yang perlu ada dalam setiap kajian. Tanpa data, kajian tidak boleh dijalankan langsung kerana tiada bahan yang ingin dirujuk dan dianalisis. Oleh itu, terdapat beberapa kaedah pengumpulan data yang telah dijalankan oleh pengkaji sebelum menjalankan kajian ini. Akhirnya, data yang sudah dikumpulkan juga akan selari dan dapat menjawab persoalan serta objektif dalam kajian. Antara kaedah pengumpulan data yang telah digunakan pengkaji ialah:

3.2.2.1 KAEDAH KEPUSTAKAAN

Kaedah kepustakaan telah digunakan untuk mendapatkan data bagi menjalankan kajian. Pengkaji telah berkunjung ke perpustakaan terdekat iaitu Pusat Pengurusan Universiti Malaysia Kelantan bagi mendapatkan buku atau bahan rujukan yang relevan tajuk kajian. Antara data dan bahan rujukan yang dikumpulkan melalui kaedah kepustakaan ini ialah seperti buku-buku ilmiah, artikel, jurnal, tesis yang telah dihasilkan oleh pengkaji lepas.

3.2.2.2 KAEDAH MELAYARI INTERNET

Kaedah melayari internet juga sungguh penting dan utama digunakan dalam melengkapkan kajian ini. Hal ini dikatakan demikian kerana kaedah ini selari dengan peredaran zaman dan boleh mendapatkan sebarang data dan bahan rujukan dengan pantas dan mudah. Antara laman sesawang yang digunakan oleh pengkaji bagi mengumpul data ialah seperti *Google Scholar*, portal jurnal dan universiti dan macam-macam lagi.

3.3 PENERAPAN TEORI

Teori merupakan sandaran yang perlu dalam sesuatu kajian ilmiah. Kebiasannya sebarang teori telah diasaskan oleh cendekiawan atau tokoh pemikir yang mempunyai banyak pengalaman dalam bidang mereka tersendiri. Teori ini sangat penting digunakan dalam kajian supaya analisis yang bakal dihasilkan masih lagi berpandukan landasan dan ideologi yang betul dalam dunia akademik. Maka, dalam kajian ini, pengkaji telah memilih untuk menggunakan Teori Kesantunan Leech (1983). Teori ini menampilkan pendekatan

untuk mengukur tahap kesantunan sesuatu pengucapan atau penulisan. Oleh itu, teori ini sangat sesuai dipadankan dengan bahan kajian iaitu teromba pengacara majlis yang bakal dirujuk nanti.

3.3.1 TEORI KESANTUNAN LEECH

Pengkaji akan menggunakan Teori Kesantunan Leech yang telah diasaskan pada tahun 1983. Dalam teori sudah terkandung enam maksim yang menekankan perlakuan atau tindakan beradab yang dizahirkan melalui kosa kota, frasa, ayat dan ayat sama ada dalam bentuk pentuturan atau penulisan. Dalam teori ini, Leech juga mementingkan maksud yang mahu disampaikan oleh penutur dan intepretasi pendengar dan makna yang diterima. Selain itu, prinsip ini turut memberi penekanan kepada aspek budaya masyarakat, psikologi penutur atau penulis dalam menyampaikan kata-kata yang sopan dan boleh diterima orang lain. Maksim-makim yang dibawa dala teori ini dipaparkan dalam jadual di bawah.

Jadual 1: Model Kesantunan Leech (1983)

Maksim	Penjelasan
Kebijaksanaan (Tact).	Maksim yang meminimumkan kos bagi orang lain dan memaksimumkan manfaat kepada orang lain
Kedermawanan (Generosity).	Maksim yang meminimumkan manfaat bagi diri sendiri dan memaksimumkan kos bagi diri sendiri.
Sokongan (Approbation).	Maksim yang meminimumkan cacian terhadap orang lain dan memaksimumkan pujian terhadap orang lain.

Kerendahan Hati (Modesty).	Maksim yang meminimumkan pujian terhadap diri sendiri dan memaksimumkan cacian terhadap diri sendiri.
Persetujuan (Agreement).	Maksim yang meminimumkan perbalahan antara diri sendiri dengan orang lain dan memaksimumkan persetujuan antara diri sendiri dengan orang lain.
Simpati (Sympathy).	Maksim yang meminimumkan antipati antara diri sendiri dengan orang lain dan memaksimumkan simpati antara diri sendiri dengan orang lain.

Oleh itu, analisis akan dilakukan dengan memadankan data atau teks dalam pengacaraan majlis dengan kesemua maksim ini. Ringkasnya, perbincangan analisis dilakukan bagi membuktikan kepatuhan teori ini dalam teromba pengacaraan majlis.

3.4 KESIMPULAN

Secara rumusannya, metodologi ialah satu peringkat dan proses yang wajib dijalankan oleh semua pengkaji sebelum membuat analisis dalam kajian. Dengan kata mudah, metodologi menerangkan proses perancangan dalam mengumpul data, kaedah mengumpul data, kaedah aplikasi data bagi mencapai objektif yang telah ditetapkan. Dalam kaedah pengumpulan data juga telah diulas berkenaan kaedah kepustakaan, kaedah melayari internet dalam usaha untuk mencari data yang mencukupi. Reka bentuk kajian juga telah ditetapkan pengkaji iaitu memilih kaedah kuantitatif seperti analisis teks


daripada bahan atau buku yang telah dikumpulkan. Kesemua proses ini baka melahirkan kajian yang sistematik dan tersusun untuk dibaca nanti.



UNIVERSITI



MALAYSIA



KELANTAN

BAB 4

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

4.1. TEROMBA YANG DIGUNAKAN DALAM PENGACARAAN MAJLIS

4.1.1 PENGENALAN

Teromba menurut Mohd. Taib Osman (1975) ialah suatu pengucapan adat yang menerangkan perbilangan Adat Perpatih dan yang menerangkan perbilangan adat yang dasar. Perkara ini telah disokong oleh Harun Mat Piah (1989) juga ada mengatakan bahawa teromba mengandungi konotasi adat digunakan sebagai panduan dan amalan terutama Adat Perpatih dan Adat Temenggung yang sehingga kini masih digunakan di Minangkabau dan beberapa daerah di Negeri Sembilan dan Melaka. Berpandukan dua pandangan ini, kita dapat fahami bahawa masyarakat Negeri Sembilan telah pun menggunakan teromba sebagai sumber rujukan dan panduan dalam sistem Adat Perpatih yang diamalkan.

Harun Mat Piah (1989) telah menambah lagi bahawa teromba ialah sebuah karangan berangkap dan sama seperti Puisi Melayu yan lain. Oleh itu, pantun dan puisi tradisional juga boleh tergolong di bawah teromba. Cuma teromba ialah suatu susunan kata yang menerangkan tentang Adat Perpatih (Mohd Taib Osman, 1975). Berdasarkan beberapa pendapat daripada sarjana tentang istilah teromba, pengkaji dapat menyimpulkan bahawa teromba merupakan susunan kata-kata seperti puisi namun mempunyai bentuk yang tidak tetap

Pada frasa pengacaraan majlis pula, menurut Noresah Baharu et al. (2010) menceritakan istilah pengacaraan majlis ialah sebagai individu yang bertanggungjawab menguruskan persembahan serta acara-acara dalam satu pertunjukan, majlis atau perjumpaan orang ramai. Melalui pandangan ini, individu yang mampu mengawal segala aturan di dalam majlis boleh dipanggil sebagai pengacara majlis. pendapat ini turut disokong oleh R. Tellimore (1991), yang mengatakan bahawa pengacara majlis atau lebih mesra dipanggil *master of ceremony*, merupakan individu yang bertindak mengacarakan program di radio dan televisyen.

Terdapat juga sarjana berpendapat bahawa kelancaran, kejayaan, hidup dan matinya sesebuah majlis bergantung kepada pengacara majlis (Mohd Rosli Saludin, 2009). Pada pandangan berbeza pula, Mohd Hazri (2021) bersetuju bahawa pengacara majlis juga mempunyai peranan untuk membuat pengumuman di dalam majlis kepada para tetamu. Hal ini bertujuan untuk memberi makluman kepada hadirin tentang sesuatu perkara yang penting. Kadangkala pengumuman itu dibuat tanpa dirancang dan tidak tertakhluk dalam aturcara majlis. Sebagai contoh, pengumuman kehilangan barangan ataupun pengumuman mengalihkan kenderaan.

Beberapa ciri asas sebagai seorang pengacara majlis telah digariskan oleh Nurul Aiman bt Abdul Halim, Nur Izyani bt Yamin, Nadhrah bt Abdul Karim (2009) dalam penulisan mereka yang bertajuk *Bahasa dalam Komunikasi Bertulis Pengacaraan Majlis*. Antara cirinya ialah pengacara perlu mempunyai personaliti yang menarik, suara yang sedap didengar, mempunyai keyakinan diri, bijak menggunakan bahasa dan emosi serta dilengkapi dengan daya intelektual yang tinggi. Perkara ini akan terkait terus proses kesantunan bahasa ketika mengacarakan majlis dapat dilaksanakan jika seseorang pengacara majlis mempunyai ciri-ciri seperti di atas.

Pendek kata, melalui semua pendapat yang diberikan tentang frasa pengacara majlis, terdapat beberapa fahaman dan konsep yang boleh disimpulkan iaitu pengacara majlis atau dikenali sebagai *master of ceremony* merupakan seseorang yang perlu mempunyai ilmu dalam mengawal sesebuah majlis supaya berjalan lancar mengikut aturan majlis yang telah ditetapkan.

Kesimpulannya, perkaitan teromba dalam bidang pengacaraan majlis boleh dilihat apabila teromba mahupun pantun juga telah dijadikan elemen di dalam teks pengacaraan majlis. Di samping teromba itu menyampaikan kandungan adat kepada masyarakat, teromba juga ada menyelit pesanan dan nasihat kepada pendengarnya. Bukan itu sahaja, teromba juga ada digunakan dalam setiap aturcara yang dijalankan dalam sesebuah majlis juga seperti pembuka kata juga. Nasihat yang terkandung dalam teromba juga mempunyai pelbagai jenis isu dan latar belakang yang berbeza. Hal ini menjadi pedoman dan pegangan dan panduan masyarakat melalui kesantunan berbahasa.

Pada bahagian ini, pengkaji akan membuktikan objektif pertama iaitu untuk mengenal pasti teromba yang digunakan dalam teks pengacaraan majlis. Sebuah buku yang bertajuk *Teromba Pengacaraan Majlis* yang ditulis oleh Mohd Rosli Saluddin bakal dijadikan sebagai rujukan utama untuk menghuraikan beberapa jenis teromba yang telah difokuskan oleh Mohd Rosli Saluddin. Buku yang bertajuk *Teromba Pengacaraan Majlis* merupakan sebuah buku yang telah menghimpunkan banyak Puisi Melayu yang sering dan boleh digunakan dalam sebarang majlis keramaian. Penulis buku ini telah menyusun kesemua puisi tersebut untuk menjadi panduan kepada para pengacara. Tidak dilupakan juga terdapat bahagian yang memperkenalkan pantun atau teromba yang berkisarkan adat di Negeri Sembilan. Secara tidak langsung telah menjadi rujukan kepada pencinta adat yang ingin menelusuri tentang adat di Negeri Sembilan.

Secara umumnya, buku ini mengandungi 461 rangkap teromba pengacaraan majlis. Teromba ini juga merangkumi pantun tradisional Melayu yang sering digunakan dalam sebarang acara formal. Hal ini dikatakan demikian kerana pantun merupakan warisan dunia yang paling lama dan selepas itu baru muncul teromba sebagai pantun yang menceritakan adat di Negeri Sembilan pula.

Sebagai pecahan pula, kesemua 461 rangkap teromba pengacaraan majlis ini telah dikategorikan kepada beberapa jenis pantun dan teromba yang mempunyai fungsi dan peranan yang berbeza dalam sebuah majlis. Antaranya seperti teromba permulaan majlis, teromba yang menyampaikan puji-pujian, teromba yang menyampaikan nasihat, teromba yang dituju untuk pemimpin, teromba untuk bacaan doa, teromba untuk menjemput makan, teromba bagi ucapan alu-aluan, teromba untuk jemputan makan, teromba untuk menjemput ucapan perasmian, teromba bagi penutup majlis, teromba buat warga emas, teromba memberi penegasan dalam majlis dan akhir sekali kata-kata adat. Kata-kata adat merupakan teromba yang mempunyai pecahan paling banyak iaitu sebanyak 308 dan memfokus tentang sejarah dan gaya hidup masyarakat di Negeri Sembilan sebagai satu sistem Adat Perpatih.

4.1.2 TEROMBA YANG DISAMPAIKAN PADA PERMULAAN MAJLIS (T1)

Teromba permulaan majlis ialah salah satu perkara asas yang digunakan oleh seorang pengacara majlis apabila memulakan majlis. Tanpa bahagian ini, diibaratkan keindahan di dalam sebuah majlis itu tidak wujud. Melalui buku yang dirujuk iaitu Teromba Pengacaraan Majlis, sebanyak 22 rangkap telah dikumpulkan sebagai teromba permulaan majlis. Perkara ini bersamaan dengan 4.77 % daripada kesemua teromba dan pantun yang terdapat dalam pantun itu.

Melati kuntum tumbuh serata,
Sayang merbah di pohon cemara;
Assalamualaikum salam sejahtera,
Saya berpantun pembuka bicara.

(Mohd Rosli Saludin, 2009: 51)

Berdasarkan teromba permulaan majlis di atas, teromba ini telah menggunakan unsur alam sebagai elemen di dalam pantunnya. Menurut Muhammad Haji Salleh (2002) telah menegaskan bahawa perlambangan tentang unsur alam merupakan elemen penting dalam pantun Melayu dan untuk menentukan nilai estetikanya. Teromba yang mempunyai nilai estetika sangat bersesuaian dengan majlis yang dijalankan dengan penuh kesantunan dan adab sopan. Maka, teromba permulaan majlis seperti di atas telah menggunakan subjek tumbuhan bunga Melati dan pohon Cemara. Hal ini cukup menggambarkan bahawa teromba telah menzahirkan kesopanan adat Melayu dalam mengendalikan sesebuah majlis.

Tambahan pula, teromba ini dikategorikan sebagai teromba permulaan majlis apabila wujudnya penggunaan istilah ‘salam’ di dalam pantun. Kehadiran istilah salam ialah sebagai permulaan bagi seseorang ingin memulakan sesuatu ucapan. Dalam konteks pengacaraan majlis, pengacara membuka majlis dengan penggunaan salam di dalam bentuk teromba yang menarik. Hal ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa pengacara majlis sedang melakukan tugasannya dan memberi isyarat kepada para tetamu ataupun urusetia majlis bahawa majlis sedang bermula. Berikut merupakan contoh lain pula untuk teromba permulaan majlis. Di dalam contoh teromba ini pula telah menggunakan unsur alam seperti gambir dan frasa salam dan selamat datang telah digunakan untuk menandakan majlis sedang bermula:

Mencari gambir di atas para,
Gambir diambil si anak dara,
Salam sembah pembuka bicara,
Selamat datang untuk semua.

(Mohd Rosli Saludin, 2009: 51)

Kesimpulannya, pengkaji telah membuktikan bahawa wujudnya teromba permulaan majlis. Struktur pantun yang menggunakan unsur alam serta penggunaan istilah seperti salam dan selamat datang telah menunjukkan dengan jelas bahawa teromba tersebut sesuai digunakan sebagai permulaan majlis.

4.1.3 TEROMBA YANG MEMBERI PUJIAN DI DALAM MAJLIS (T2)

Teromba mempunyai fungsi tersendiri dalam setiap tindakan kehidupan masyarakat Melayu (Jamlah Hj. Ahmad, 1993). Teromba boleh dipecahkan dengan pelbagai tema termasuklah tema puji-pujian yang akan dihuraikan dengan lebih lanjut penggunaannya di dalam pengacaraan majlis. Dalam sesebuah majlis, pengacara perlu bijak dan pandai mengawal audien dengan kata-kata yang boleh menarik perhatian mereka. Oleh itu, teromba yang berbentuk puji-memuji digunakan untuk memberi pujian kepada audien ataupun kepada mereka yang diraikan di dalam sebuah majlis. Terdapat juga situasi berbeza iaitu teromba pujian diberikan kepada tetamu kehormat di dalam majlis sebagai salah satu tanda hormat pengacara kepada mereka juga. Di dalam buku yang telah digunakan oleh pengkaji, pantun puji-pujian ini ialah sebanyak sembilan rangkap iaitu bersamaan dengan 1.95 % daripada keseluruhan teromba/pantun di dalam buku tersebut.

Pohon merbau pohon di hutan,
Anak buaya menjadi ketua,
Memang cantik memang sepadan,
Seperti pinang dibelah dua.

(Mohd Rosli Saludin, 2009: 54)

Contoh teromba di atas menunjukkan salah satu bentuk pujian. Teromba ini telah memberikan pujian kepada pasangan pengantin di dalam majlis perkahwinan mereka. Tambahan lagi, teromba ini bukan setakat memuji malah memberi satu gambaran bahawa pasangan pengantin kelihatan sangat secocok dan sangat bersesuaian antara satu sama lain. Malah, penggunaan peribahasa seperti pinang dibelah dua juga turut digunakan untuk menjelaskan dengan kata ringkasnya bahawa pasangan itu sangat suka dipandang oleh tetamu. Bersesuaianlah dengan maksud peribahasa tersebut iaitu sama padan dan sama cantik.

Teromba seperti di atas boleh diklasifikasikan sebagai teromba pujian kerana melihat kepada mesej dan kesan kepada pendengar. Sebagai contoh, teromba ini ditujukan khas kepada pasangan pengantin yang sungguh serasi dan sepadan. Oleh itu, kedua-dua pengantin akan berasa senang hati kerana mereka dipuji sangat serasi oleh pengacara majlis dan turut dipandang perkara yang sama oleh para tetamu juga. Hal ini bermakna kesan daripada teromba pujian ini kepada pengantin ialah mereka berasa gembira dan selesa apabila mendapat pujian sebegitu rupa. Berikut merupakan teromba pujian yang turut memberi pujian kepada pasangan yang sepadan cuma penggunaan bahasa dan pembayang yang berbeza pula:

Awa-awa kena belatik,
Sayang Cik Cepa mudik bergalas,
Adik cantik abang pun cantik,
Bagai dakwat dengan kertas.

(*Mohd Rosli Saludin, 2009: 54*)

Kesimpulannya, teromba puji-pujian merupakan penambah perasa dalam sesebuah majlis. Walaupun perkara ini tidak diwajibkan namun hal ini akan melambangkan kebijaksanaan pengacara majlis dalam menarik hati para tetamu dan audien di dalam sebuah majlis. Kemahiran ini yang menunjukkan dengan cukup jelas

bahawa pengacara majlis pandai dalam menguruskan majlis dan memastikan para tetamu sentiasa senang hati ketika berada di dalam majlis di bawah kelolaannya.

4.1.4 TEROMBA YANG MENYAMPAIKAN NASIHAT DI DALAM MAJLIS (T3)

Melalui cara hidup masyarakat Melayu yang malu dan segan telah menyebabkan lahirnya satu sikap dalam kalangan mereka yang tidak suka berterus-terang (Fatimah Busu, 1922). Masyarakat Melayu cenderung untuk meletakkan bahasa mereka dalam bentuk kiasan untuk dituturkan. Tindakan ini bertujuan untuk menjaga hati orang yang sedang kita bertutur malah memberi imej yang baik kepada sang penutur. Perkara ini turut terjadi apabila seseorang ingin memberi nasihat. Oleh itu, teromba nasihat telah dicipta untuk memberi nasihat kepada masyarakat secara umum dan masih digunakan sehingga sekarang.

Teromba nasihat dikira sebagai salah satu pelengkap di dalam majlis juga. Tidak menjadi wajib untuk dibaca pantun ini di dalam majlis, namun sebagai seorang manusia dan pengacara sudah menjadi tanggungjawab untuk sentiasa mengingatkan semua orang dengan nasihat yang berguna. Di samping mengendalikan majlis dengan penuh protokol dan teratur, pantun ini diselit sebagai selingan untuk sentiasa memberi peringatan kepada masyarakat. Pelbagai nilai murni dan pengajaran yang diselit dalam pantun nasihat dan tidak mengira peringkat umur, bangsa mahupun agama. Terdapat 64 rangkap pantun nasihat yang telah dijumpai di dalam buku *Teromba Pengacaraan Majlis* ini. Kesemua teromba ini memberi nasihat umum kepada para pembaca.

Anak Cina main gelombang,
Nampak dari Pulau Indah,
Hati-hati di rantau orang,
Jangan sampai berbuat salah.

(Mohd Rosli Saludin, 2009: 55)

Secara mudahnya, teromba di atas memberi maksud kepada masyarakat untuk tidak membuat perkara yang tidak baik jika berada di tempat orang. Teromba ini telah ditujukan oleh mereka yang sedang merantau jauh dari tempat asal sama ada untuk tujuan bekerja ataupun belajar. Apabila kita berjauhan daripada keluarga dan tempat tinggal, kita akan bertanggungjawab ke atas setiap tindakan dan perbuatan kepada diri sendiri. Hal ini kerana kita tiada keluarga yang berdekatan yang boleh membantu kita jika dalam kesusahan.

Dari sudut kiasannya pula, teromba ini telah menggunakan istilah rantau orang untuk menggambarkan keadaan yang jauh daripada keluarga yang merupakan tempat kita bergantung berharap. Terdapat juga nasihat yang cuba diselitkan supaya kita sentiasa boleh berdikari dan boleh membuat keputusan sendiri tanpa bantuan keluarga lagi. Perkara yang paling penting sekali, teromba ini boleh dikategorikan sebagai teromba nasihat kerana hadirnya penggunaan istilah 'jangan'. Istilah 'jangan' jelas menggambarkan larangan dan nasihat yang ingin diberikan kepada seseorang. Dengan kehadiran istilah seperti jangan, pantun boleh memberi fahaman tentang memberi mesej nasihat.

Kesimpulannya, teromba nasihat memang relevan diketengahkan dan dibaca di dalam sebarang majlis keramaian oleh pengacara majlis. Pengacara majlis menjadi perantara dalam menyebarkan mesej nasihat yang terdapat dalam setiap teromba dan kepada masyarakat Melayu yang lalu. Perkara ini secara tidak langsung akan memperkenalkan budaya masyarakat Melayu yang sopan dalam memberi nasihat. Kesopanan itu telah diterjemahkan dalam setiap bait-bait bahasa yang penuh maksud tersirat di dalam teromba.

4.1.5 TEROMBA YANG DISAMPAIKAN UNTUK PEMIMPIN DI DALAM MAJLIS (T4)

Menurut kamus dewan perdana, pemimpin ditakrif sebagai orang yang memimpin di dalam sesuatu kumpulan. Ciri-ciri kepimpinan yang baik boleh diterangkan dengan jelas melalui pandangan daripada Burhanuddin Jalal (2017) yang menekankan bahawa kepimpinan yang boleh dipecahkan kepada beberapa aspek seperti pemimpin perlu mempunyai wawasan yang jelas, pemimpin perlu memimpin dengan penuh kasih sayang dan mempunyai daya kekuatan yang tinggi. Melalui ciri-ciri ini sudah semestinya akan menjamin kelicinan dalam urusan kepimpinan. Dengan ini, golongan yang dipimpin juga akan berasa selesa berpuas hati di bawah kepimpinan yang baik.

Memandangkan teromba merupakan medium perantara yang penting dalam masyarakat Melayu dahulu, teromba juga turut menampilkan mesej yang berkisarkan pemimpin. Terdapat teromba yang mengisahkan ciri-ciri kepimpinan yang baik. Ada juga teromba yang memberi nasihat secara sindiran kepada pemimpin secara umum atau nasihat dan panduan kepada pemimpin dalam menjalankan tugasnya. Pendekatan teromba yang berunsurkan kepimpinan ini juga cukup bagus kerana kita boleh memberi nasihat dan teguran dengan bahasa yang sangat sopan dan menghormati mereka sebagai pemimpin. Malah, ada juga kegunaan teromba pemimpin ini untuk memberi pujian dan menceritakan sifat pemimpin yang sangat disukai ramai.

Dalam konteks pengacaraan majlis, teromba pemimpin juga merupakan pelengkap kepada sebuah majlis yang dihadiri oleh golongan kenamaan. Antara fungsi teromba pemimpin diperkenalkan dalam majlis adalah untuk memberitahu kepada para tetamu tentang kebaikan dan ciri-ciri pemimpin yang baik. Hal ini akan terus membawa juga kepada kepentingan rakyat bersatu hati dengan pemimpin. Tambahan lagi,

disebabkan di dalam sesebuah majlis formal terdapat juga tetamu kehormat yang dirai dan dijemput. Pengacara majlis perlu juga memasukkan teromba yang ditujukan khas untuk pemimpin yang menghadiri majlis tersebut. Teromba tersebut akan memuji dan menerangkan sifat pemimpin yang baik kepada para tetamu majlis. Antara teromba pantun pemimpin adalah seperti di bawah:

Menjadi benteng dusun dan kampung,
Menjadi pagar teluk dan tanjung,
Karam dilaut jadi pelampung,
Lumpuh di darat jadi pendukung

(*Mohd Rosli Saludin, 2009: 63*)

Teromba di atas telah menjelaskan hubungan yang penting antara rakyat serta pemimpin. Pemimpin yang disayangi ramai akan sentiasa bersama rakyat dalam keadaan senang dan susah. Sebagai contoh, teromba di atas memberi situasi karam di laut. Jika sesebuah kapal karam di laut, sudah tentu anak kapal akan dalam bahaya kerana boleh menyebabkan lemas di laut dengan ombak yang kuat. Namun, pantun ini menekankan bahawa anak kapal tidak akan lemas jika mempunyai pelampung. Maka, pemimpin ini diibaratkan sebagai pelampung jika rakyat ditimpa masalah yang mengancam nyawa mereka sendiri. Turut dijelaskan di dalam pantun di atas bahawa jika seseorang lumpuh dan tidak mampu berjalan di darat, pasti akan ada orang yang akan membantu dan mendukungnya untuk bergerak. Pemimpin yang berjiwa rakyat akan sentiasa mendukung dan menyokong rakyatnya walau dengan apa situasi sekali pun.

Kesimpulannya, teromba yang membawa mesej yang penuh dengan nilai murni wajar untuk diketahui oleh semua lapisan masyarakat. Penggunaan bahasa yang berestetika dan perlambangan yang sangat menarik telah mampu mengangkat lagi martabat pemimpin itu kepada mata rakyat. Hal ini secara tidak langsung akan membantu pembentukan sistem masyarakat yang lebih kukuh dan tidak goyah. Semuanya bermula

daripada hubungan erat antara pemimpin dan rakyat yang baik. Rakyat juga penting tidak boleh dipisahkan daripada sistem pemerintahan malah saling membantu dalam memastikan kepimpinan berjalan lancar. Penggunaan teromba pemimpin dalam pengacaraan majlis akan memberi mesej moral kepada tetamu di dalam majlis untuk sentiasa menghormati pemimpin mereka. Terdapat tujuh rangkap pantun berkenaan pemimpin yang telah disusun di dalam buku *Teromba Pengacaraan Majlis*.

4.1.6 TEROMBA YANG MENYAMPAIKAN KATA ADAT DI DALAM MAJLIS (T5)

Menurut Mohd Rosli Saludin (2009), teromba merupakan suatu pemikiran yang tinggi mempunyai hikmat pada setiap ungkapannya. Teromba yang juga dikenali sebagai kata-kata adat mempunyai ciri-ciri yang khas iaitu mempunyai kepelbagaian unsur bahasa yang disulami dengan nilai. Pegangan kata-kata adat ini telah diwarisi secara turun-temurun dalam masyarakat Negeri Sembilan. Sebagai contoh, kata-kata sinonim sering digunakan di dalam majlis keramaian yang beradat, majlis meminang serta perkahwinan. Kata-kata adat ini menjadi panduan yang jelas untuk menyatakan hukum dan undang-undang adat yang perlu dipatuhi oleh mereka yang berpegang pada adat perpatih.

Pada pandangan yang berbeza pula, Ani Haji Omar (2013) menjelaskan bahawa pemerkesaan masyarakat di negeri beradat telah berjaya dicapai melalui medium keindahan bahasa. Dalam kajian yang dijalankan telah membuktikan bahawa kata perbilangan atau kata-kata adat ini menyatakan undang-undang yang lengkap sebagai ikutan dalam menjalani kehidupan mereka. Daripada pandangan kedua-dua sarjana dia atas ini telah memberi naratif bahawa kegunaan dan peranan kata-kata adat telah wujud sebagai teromba bagi masyarakat di Negeri Sembilan.

Fungsi dan peranan kata-kata adat ini boleh dilihat di dalam majlis keramaian yang penuh beradat yang dijalankan hanya di Negeri Sembilan. Pengacara atau pemimpin majlis perlu mengungkapkan kata-kata adat yang berkaitan dengan majlis yang sedang berlangsung. Tujuannya lain dan tidak bukan untuk memberi pendedahan kepada pengunjung mahupun keluarga yang terlibat dalam majlis bahawa kata-kata adat ini mempunyai maksud dan peraturan adat yang perlu dipatuhi oleh semua. Berikut merupakan contoh kata-kata adat yang telah digunakan dalam acara majlis juga:

Kurik ya kundi
Merah itu saga
Yang cantik itu budi
Yang indah itu bahasa

(Mohd Rosli Saludin, 2009: 74)

Menurut Kamus Dewan, Kundi adalah buah saga yang berbintik-bintik, atau dengan kata lain kurik. Manakala saga iaitu buah saga yang berwarna merah. Kedua-dua buah ini ialah berbentuk sejenis. Perkara ini memberi perlambangan juga kepada budi dan bahasa juga. Kedua-kedua perkara ini sangat berkait rapat dan tidak boleh dipisahkan antara budi dan bahasa. Hal ini dikatakan demikian kerana budi yang cantik itu boleh diukur dengan indahnya penggunaan bahasa seseorang.

Teromba kata-kata adat ini juga memberi panduan kepada masyarakat pada ketika itu untuk menjaga tutur kata kepada sesiapa sahaja. Tutur kata yang baik akan menghasilkan satu bentuk komunikasi yang baik juga. Daripada itu lahirlah juga sebuah masyarakat yang bermuafakat dan mempunyai tolak ansur yang tinggi antara satu sama lain. Berikut merupakan contoh lain kata-kata adat yang mempunyai mesej yang berbeza pula:

Keratan medang di hulu
Berbunga berbuah belum
Merantaulah bujang dahulu
Di kampung berguna belum

(Mohd Rosli Saludin, 2009: 82)

Kata-kata adat di atas pula memberikan mesej kepada golongan lelaki di dalam masyarakat Negeri Sembilan. Dalam tradisi Negeri Sembilan, orang lelaki akan diminta untuk merantau jauh daripada tempat asal. Dengan tujuan untuk mencari rezeki dan mencari pengalaman. Hal ini kerana jika golongan lelaki ini pergi ke tempat asing, mereka akan mudah untuk menyesuaikan diri dan menjaga diri mereka sendiri. Berbeza dengan perempuan yang tidak mempunyai keupayaan untuk menjaga diri sendiri jika jauh daripada keluarga atau kampungnya. Ini merupakan sebab adat perpatih sangat menjaga kebajikan wanita kerana golongan lelaki perlu merantau jauh untuk mencari rezeki bagi keluarga. Tegasnya, mesej yang disampaikan dalam kata-kata adat ini masih relevan sehingga sekarang. Kata-kata adat ini telah menyeru para lelaki untuk sentiasa ringan tulang mencari pekerjaan dan tidak boleh menjadi pemalas.

Kesimpulannya, kata-kata adat atau teromba ini perlu sentiasa didedahkan kepada masyarakat Melayu bukan sahaja di Negeri Sembilan. Bukan sahaja mempunyai panduan adat malah turut menampilkan nasihat yang sangat berguna kepada para tetamu jika dibaca oleh pengacara dalam sebuah majlis. Penggunaan bahasa yang indah menyebabkan kata-kata menjadi pegangan dan perlu dipelihara supaya tidak hilang. Kata-kata adat ini juga mempunyai bentuk yang tidak berima dan memberi kelainan sedikit daripada pantun tradisional yang lain.

4.1.7. TEROMBA YANG DISAMPAIKAN PADA AKHIR MAJLIS (T6)

Setiap perkara pasti ada penghujung dan pengakhirannya. Dalam konteks pengurusan majlis, kita mestilah memastikan majlis ditutup dengan baik, cermat dan juga sopan. Lebih-lebih lagi jika majlis itu dijalankan dengan penuh protokol dan etika. Penutup majlis yang cantik juga mencerminkan bahawa pengacara majlis telah berjaya menjalankan tugasnya dengan sangat baik. Perkara ini selari dengan pendapat daripada Ramlan Abdul Wahab (2004), yang telah menakrifkan majlis itu sebagai satu bentuk perjumpaan yang melibatkan ramai orang dan dijalankan secara rasmi atau tidak rasmi untuk mencapai matlamat yang telah dirancang. Oleh itu, pendapat ini telah menunjukkan bahawa dalam perancangan majlis itu perlu mempunyai elemen penutup majlis yang cukup jelas.

Elemen penutup majlis sangat berkait rapat dengan protokol dalam sesebuah majlis. Apabila berbicara tentang protokol, hal ini bermaksud perkara ini wajib dilaksanakan dan jika ditinggalkan terus akan merosakkan dan mencacatkan sesebuah majlis. Ramlan Abdul Wahab (2004) berkata lagi protokol ialah satu bentuk peraturan untuk menjaga dan mengawal kerasmian, susunan, dan kecantikan dalam menjalankan sesebuah majlis. Oleh itu, kepentingan protokol ini dipatuhi dan dijalankan adalah untuk memastikan kejayaan sesuatu majlis itu berjalan. Termasuklah juga penutup dan akhir majlis yang menjadi salah satu protokol yang penting.

Lazimnya, pengacara majlis akan mengungkapkan atau mengucapkan satu atau dua rangkap teromba di akhir majlis. Keindahan bahasa dalam teromba sudah semestinya melambangkan pengacara itu menjaga bahasa ketika mengacarakan majlis. Antara mesej yang disampaikan di dalam teromba penutup dan akhir majlis ialah seperti permohonan maaf dalam mengendalikan majlis, ucapan nasihat dan ucapan jumpa lagi. Kedua-dua

mesej ini menunjukkan bahawa pengacara dan pengurusan majlis sentiasa rendah diri dalam terhadap para tetamu dan golongan kehormat di dalam majlis.

Berkelok jalan ke Daik,
Jalan ke Daik banyak kuini,
Nan elok bawalah balik,
Nan buruk kuburkan di sini.

(Mohd Rosli Saludin, 2009: 67)

Dalam contoh teromba akhir majlis di atas menerangkan tentang perkara yang bahawa tetamu atau pengunjung majlis boleh membawa pulang perkara baik yang berlaku sepanjang majlis berlaku. Namun, mereka tidak perlu untuk membawa pulang perkara yang buruk yang terjadi di majlis. Frasa ‘membawa pulang’ ini juga memberi pengertian yang berbeza iaitu membawa pulang perkara yang baik bermaksud tetamu digalakkan bercerita kepada orang lain tentang keindahan, kelancaran, dan kemegahan majlis dijalankan. Sebaliknya pula, tetamu tidak perlu bercerita kepada orang lain tentang keburukan dan kelemahan majlis. Melalui pantun ini, pengacara telah pun meninggalkan pesan secara halus kepada para tetamu untuk memastikan semua pihak yang terlibat dalam majlis tiada isu yang timbul di kemudian hari.

Teromba di atas boleh dikategorikan sebagai pantun akhir majlis kerana melibatkan situasi selepas majlis tamat. Kemudian pengacara boleh menyusuli ucapan seterusnya dengan teromba mohon maaf pula kepada para tetamu dan pengunjung jika ada kelemahan dalam menjalankan majlis. Sudah terbukti dengan jelas bahawa pantun akhir majlis ialah suatu perkara yang penting dan perlu dilaksanakan oleh semua pengacara majlis. Kesimpulannya, protokol dan peraturan sebuah majlis diciptakan untuk memastikan kelancaran majlis. Peraturan ini juga dicipta sebagai panduan kepada mereka yang baru sahaja menceburi bidang pengurusan majlis. Semoga lebih ramai lagi tidak mengambil ringan protokol dan peraturan ini digunapakai dalam segala bentuk majlis

4.1.8 PENUTUP

Jadual 2: Bilangan teromba pengacaraan di dalam buku *Teromba Pengacaraan Majlis*

Jenis Teromba Pengacaraan Majlis	Jumlah Rangkap	Peratus %
Teromba Yang Disampaikan Pada Permulaan Majlis (T1)	22	5.27
Teromba Yang Memberi Pujian Di Dalam Majlis (T2)	9	2.15
Teromba Yang Menyampaikan Nasihat Di Dalam Majlis (T3)	64	15.34
Teromba Yang Disampaikan Untuk Pemimpin Di Dalam Majlis (T4)	7	1.67
Teromba Yang Menyampaikan Kata-Kata Adat Di Dalam Majlis (T5)	308	73.86
Teromba Yang Disampaikan Pada Akhir Majlis (T6)	7	1.67
Jumlah	417	

Sebagai penutup, buku *Teromba Pengacaraan Majlis* telah diteliti untuk mengetahui jenis-jenis teromba yang telah diketengahkan oleh penulis dalam konteks pengacaraan majlis. Teromba-teromba tersebut merangkumi enam jenis teromba yang boleh dikaji dengan lebih mendalam dan perlu diketahui secara asasnya oleh seorang pengacara majlis. Dalam dapatan ini juga, dilihat bahawa teromba dalam bentuk kata-kata adat mempunyai bilangan rangkap yang paling banyak. Hal ini selaras dengan subjek utama kajian ini iaitu berkenaan teromba yang merupakan perbilang adat atau pantun adat yang menceritakan adat perpatih. Teromba nasihat juga mempunyai jumlah kedua tertinggi iaitu 64 rangkap. Selaras dengan fungsi pantun tradisional itu sendiri adalah untuk menyampaikan nasihat kepada masyarakat secara berhemah dan penuh sopan.

Kepentingan untuk mengetahui dan mengenal pasti jenis teromba pengacaraan majlis ini adalah untuk memberi gambaran awal kepada para pembaca bahawa pantun mempunyai latar belakang, tema dan fungsi yang berbeza-beza juga. Apabila jenis teromba sudah dikenal pasti dengan tepat, perkara ini akan memudahkan lagi proses penilaian dan kajian dengan lebih terperinci dalam teromba tersebut. Dalam bahagian yang seterusnya, pengkaji akan menggunakan contoh pada setiap jenis teromba pengacaraan di atas untuk menilai pula aspek kesantunan bahasa yang bertepatan dengan teori yang bakal digunakan. Melalui aspek kesantunan bahasa ini akan membuktikan pula kerelevanan teromba itu digunakan dalam sebarang majlis sama ada rasmi mahupun tidak rasmi

4.2 ASPEK KESANTUNAN BAHASA DI DALAM TEROMBA PENGACARAAN MAJLIS

4.2.1 PENGENALAN

Lakoff (1975:64) memberi takrifan kesantunan ialah suatu corak perlakuan yang mengurangkan pergesehan dalam sesuatu interaksi. Pergesehan secara istilahnya ialah satu tindak balas antara dua permukaan yang kasar. Geseran ini memberi konotasi yang kurang baik dalam sesebuah interaksi dan komunikasi. Apabila wujudnya usaha untuk memastikan komunikasi berjalan harmoni tanpa sebarang konflik juga memberitahu bahawa ini merupakan satu tindakan kesantunan (Fraser dan Nolan, 1981:96). Kita semua sedia maklum bahawa konflik ialah perkara yang perlu dielakkan oleh semua dalam semua urusan komunikasi seharian dan akhirnya akan mempengaruhi hubungan baik kita bersama orang lain.

Konsep kesantunan juga telah dipersetujui oleh Leech (1983:104) yang menyatakan bahawa kesantunan boleh dicapai apabila ada kewujudan perlakuan yang melibatkan pengiktirafan diri dalam sesuatu urusan sosial. Pengiktirafan diri ini bukan perkara yang buruk namun merupakan satu fasa dalam berbual oleh setiap orang apabila berbual supaya dapat memberi kepuasan pada setiap penutur. Lebih menarik lagi, konsep kesantunan juga boleh diukur melalui kurangnya tindakan ancaman muka oleh seseorang apabila sedang berbual dan berborak (Brown & Levinson, 1987:62). Tindakan ancaman muka itu merujuk kepada ekspresi yang dikeluarkan oleh muka kita bergantung kepada tahap kepuasan kita. Jika kurangnya tindakan ancaman muka, maka bertambah tinggilah kesantunan dalam hubungan itu. Namun, jika disentuh dalam aspek linguistik dan kebahasaan pula, Asmah (2000:88) bersetuju bahawa kita perlu menggunakan bahasa percakapan setiap yang tidak menimbulkan kegusaran hati dan perasaan tersinggung.

Bahasa sangat memainkan peranan penting dalam satu urusan. Diibaratkan bahasa ialah sebuah objek untuk menjalankan apa sahaja aktiviti. Tanpa penggunaan bahasa yang betul, kita diibaratkan tidak menghormati orang lain juga kerana bahasa ini mencerminkan juga keperibadian diri sendiri.

Melalui kesemua konsep kesantunan yang telah dibentangkan oleh para sarjana dan pengkaji lain, rumusan kepada istilah kesantunan boleh dinyatakan dengan mudah iaitu tatacara penggunaan ayat dan perkataan yang sesuai, tidak menimbulkan perasaan tidak puas hati, menjaga maruah pendengar dan menunjukkan hubungan yang baik antara manusia. Tidak cukup dengan itu, terdapat beberapa model kesantunan yang boleh digunakan untuk mengukur dan mengesan kesantunan bahasa itu. Melalui pencirian yang lengkap dan terperinci untuk kita melihat dengan jelas proses kesantunan berjaya dicapai atau tidak.

Antara model kesantunan bahasa yang sering digunakan ialah Model Kesantunan Lakoff (1975). Model ini telah menggariskan tiga ciri utama iaitu jangan memberi paksaan, sentiasa memberikan pilihan, dan perlu menjadi pendengar yang selesa. Pematuhan ciri-ciri tersebut akan memberi kesan secara langsung aktiviti komunikasi. Model yang diasaskan oleh Asmah (2000) pula menekankan dua kesantunan iaitu kesantunan asas dan kesantunan berkendala. Kesantunan asas itu merujuk kepada sifat sedia manusia iaitu sentiasa berbaik dengan orang lain. Kesantunan Berkendala ialah sebarang usaha yang diwujudkan dalam satu interaksi. Oleh itu, melalui kedua-dua kesantunan ini memberi satu panduan dan asas kepada pengkaji atau masyarakat biasa untuk menilai sejauh mana kesantunan itu boleh terjadi.

Dalam konteks kajian ini, kesantunan bahasa akan diukur pula kepada teks teromba pengacaraan majlis yang menggunakan elemen teromba di dalamnya. Kajian ini akan menjadi memberi kelainan kerana penuturnya hanya melibatkan seorang sahaja iaitu

pengacara majlis. Walaupun hanya komunikasi satu hala yang wujud dalam pengacaraan majlis, kesantunan bahasa masih wujud memandangkan majlis juga dijalankan dengan penuh sopan dan protokol. Dengan ini teori kesantunan bahasa Leech (1983) lebih sepadan digunakan kerana terdapat beberapa ciri atau maksim yang boleh membuktikan aspek santun bahasa itu wujud dalam teromba pengacaraan majlis

Pada bahagian ini, pengkaji akan menerangkan dengan lebih analitikal tentang teori yang bakal digunakan. Penggunaan teori itu juga dilihat dari segi proses dan kesesuaian penggunaannya dengan elemen teromba iaitu merupakan satu pantun adat masyarakat Melayu. Bukti dan contoh teromba juga bakal dilampirkan untuk melihat dengan lebih terperinci penggunaan istilah dalam teromba yang mematuhi teori kesantunan bahasa ini.

4.2.2 TEORI KESANTUNAN BAHASA LEECH (1983)

Teori ini telah diasaskan oleh Leech. Beliau telah mendefinisikan istilah kesopanan sebagai satu susunan strategi untuk memastikan tidak berlaku pertelingkahan dalam komunikasi. Antara strategi utama yang telah digariskan untuk berjaya mencapai keadaan kesantunan itu ialah penutur menggunakan bahasa yang halus dan sopan, sikap yang lemah lembut dan mempunyai budi pekerti yang tinggi. Leech telah berjaya mengemukakan beberapa ciri atau enam maksim. Antara maksim itu ialah maksim kesantunan, maksim budiman, maksim sokong, maksim rendah hati, maksim bersetuju dan maksim simpati. Berdasarkan jadual di bawah, berikut merupakan maksim dalam teori kesantunan ini dan penerangan lanjutnyaa:

Jadual 3: Model Kesantunan Bahasa Leech (1983)

Maksim	Penjelasan
Kebijaksanaan (<i>Tact</i>).	Maksim yang meminimumkan kos bagi orang lain dan memaksimumkan manfaat kepada orang lain
Kedermawanan (<i>Generosity</i>).	Maksim yang meminimumkan manfaat bagi diri sendiri dan memaksimumkan kos bagi diri sendiri.
Sokongan (<i>Approbation</i>).	Maksim yang meminimumkan cacian terhadap orang lain dan memaksimumkan pujian terhadap orang lain.
Kerendahan Hati (<i>Modesity</i>).	Maksim yang meminimumkan pujian terhadap diri sendiri dan memaksimumkan cacian terhadap diri sendiri.
Persetujuan (<i>Agreement</i>).	Maksim yang meminimumkan perbalahan antara diri sendiri dengan orang lain dan memaksimumkan persetujuan antara diri sendiri dengan orang lain.
Simpati (<i>Sympathy</i>).	Maksim yang meminimumkan antipati antara diri sendiri dengan orang lain dan memaksimumkan simpati antara diri sendiri dengan orang lain.

4.2.3 Dapatan Kajian

Pengkaji telah meneliti teromba pengacaraan majlis dan menganalisisnya dalam konteks maksim daripada sisi Prinsip Kesantunan Bahasa Leech (1983). Pengkaji telah menggunakan contoh teromba pengacaraan majlis untuk menilai dan mengukur kewujudan maksim kesantunan Leech ini. Kemudian, pengkaji menilai dan menghuraikan maksim yang terdapat pada setiap petikan teromba yang digunakan itu. Data kajian telah berjaya dikumpul melalui jadual seperti di bawah:

Jadual 4: Maksim kesantunan bahasa di dalam buku *Teromba Pengacaraan Majlis*

Jenis maksim	T1	T2	T3	T4	T5	T6	Jumlah maksim	Peratus %
Maksim Kebijaksanaan	5	2	0	0	0	3	10	28.57
Maksim Dermawan	1	0	5	0	0	2	8	22.85
Maksim Sokongan	2	9	0	1	0	0	12	34.28
Maksim Kerendahan Hati	2	0	4	0	0	3	5	14.28
Maksim Persetujuan	0	0	0	0	0	0	0	0
Maksim Simpati	0	0	0	0	0	0	0	0

4.2.4 MAKSIM KEBIJAKSANAAN

Di dalam teori Kesantunan Bahasa Leech, maksim kebijaksanaan menerangkan bahawa kesantunan bahasa boleh diukur apabila bahasa yang digunakan dapat meminimumkan keuntungan pada diri sendiri dan memberi manfaat kepada orang lain. Penutur akan berkelakuan terhadap orang lain dengan memberi kelebihan dan manfaat kepada yang orang dituturnya. Malah, maksim ini turut menerangkan tentang pujian kepada seseorang. Dapatan kajian menunjukkan bahawa teromba pengacaraan majlis juga mempunyai persamaan dalam ciri-ciri maksim kebijaksanaan kerana perkataan yang digunakan bagi mengurangkan kos kepada diri sendiri serta memberi ruang dalam meningkatkan keuntungan orang lain.

Teromba Permulaan Majlis (T1)

Gelang kaki kelarai dua,
Dipakai oleh si anak dara,
Selamat datang kepada semua,
Izinkan saya membuka bicara.

(*Mohd Rosli Saludin, 2009: 52*)

Pemilihan perkataan yang sesuai telah membuktikan maksim kebijaksanaan pada teromba di atas. Perkataan tersebut ialah ‘izinkan saya membuka bicara’. Penggunaan istilah izinkan ini memberi gambaran penutur atau pengacara majlis meminta izin kepada khalayak ramai atau penganjur majlis untuk memulakan majlis tersebut. Walaupun pengacara majlis sudah diberi kuasa untuk mengawal majlis, namun teromba ini telah menunjukkan bahawa pengacara majlis sangat menghormati orang lain dan mempertimbangkan keadaan yang sedang terjadi di sekelilingnya. Malah penggunaan kata ‘izinkan saya’ juga telah menunjukkan bahawa pengacara majlis telah meminta izin dengan cara yang sangat sopan sekali iaitu melalui susunan kata-kata di dalam teromba. Keadaan ini selari dengan gagasan Tenas Effendy (2011:36) yang menjelaskan bahawa apabila ingin memberi arahan kepada seseorang, dia perlulah dilakukan dengan tutur kata yang baik, tidak kasar dan tidak kasar. Hal yang sama turut terjadi kepada pengacara majlis yang ingin memberi arahan kepada ahli majlis supaya siap sedia kerana majlis akan bermula nanti.

Perkara ini juga telah bertepatan dengan Skala Kesantunan Leech yang telah diterangkan pada 1983. Beliau menekankan tentang jarak sosial yang akan berkaitan dengan penggunaan kata ganti yang telah diamalkan di dalam masyarakat Melayu. Menurut beliau lagi, jarak sosial yang dekat antara pendengar dan penutur akan menyebabkan kesantunan dalam perbualan akan berkurang. Jika makin jauh pula jarak sosial antara penutur dan pendengar, maka penggunaan kata dalam perbualan perlu makin

santun. Secara tidak langsung perkaitan ini akan mempengaruhi penggunaa kata ganti nama diri ketika berkomunikasi. Sebagai contoh, dalam teromba sebelum ini telah menggunakan istilah “saya”. Hal ini akan menjaga kesantunan antara pengacara majlis bersama dengan khalayak ramai juga.

Teromba Permulaan Majlis (T1)

Nyiur gading tinggi mahligai,
Ketupa jua dibuat makan,
Bukan kami cerdik pandai,
Pusaka kata disembahkan.

(Mohd Rosli Saludin, 2009: 53)

Dalam dapatan ini pula, teromba ini mengalukan kedatangan semua dan ingin memulakan majlis. Namun, sebelum memulakan majlis itu penutur atau pengacara majlis yang mengungkapkan teromba di atas akan merendahkan diri sendiri dahulu. Penggunaan kata yang telah digunakan ialah ‘bukan kami cerdik pandai’. Penggunaan kata ini telah melambangkan sifat kerendahan sebagai manusia biasa. Sebagai manusia biasa, kita hendaklah sentiasa merendah diri dan tidak berlagak dalam apa jua tindakan. Maka, teromba ini diatas berjaya menterjemahkan juga maksim kesantunan iaitu dengan mengurangkan kos pada diri sendiri sebelum memulakan majlis.

Ringkasnya, maksim kebijaksanaan telah berjaya ditunjukkan di dalam teromba pengacaraan majlis di atas. Pengkaji telah berjaya menunjukkan hubung kait serta keperluan yang jelas elemen kesantunan bahasa itu perlu wujud walaupun di dalam pantun tradisional seperti teromba. Masyarakat Melayu pada zaman dahulu juga turut mengetahui tentang keperluan untuk menjaga tutur kata jika ingin meminta dan mengarahkan sesuatu kepada seseorang. Dalam keluarga juga, ibu bapa telah pun mengajar kita untuk sentiasa menjaga tutur kata jika berbicara dengan golongan yang jauh umur juga daripada kita.

4.2.5 MAKSIM DERMAWAN

Pada bahagian maksim dermawan pula, pelopor teori ini iaitu Leech telah menekankan bahawa maksim ini akan bertindak dalam mengurangkan kelebihan pada diri sendiri dan berusaha untuk memaksimumkan kerugian pada diri sendiri pula. Dengan kata mudah, perkara ini akan melibatkan penggunaan kata-kata bersifat merendah diri namun masih mendatangkan kebaikan kepada orang lain juga. Dalam konteks teromba pengacaraan majlis, maksim ini sangat sesuai dipadankan dengan teromba pengacaraan majlis yang berunsurkan nasihat. Hal ini demikian kerana, nasihat berfungsi untuk membantu orang lain yang memerlukan panduan atau dalam kesusahan. Dalam pemberian nasihat juga masih ada unsur rendah diri yang diterapkan dalam contoh teromba. Ini cukup jelas menggambarkan maksim dermawan di dalam kata-kata digunakan pada teromba.

Teromba Pemimpin (T4)

Kalau tuan pergi ke kedai,
Belikan saya sebuku roti,
Biarlah buruk kain dipakai,
Asal pandai mengambil hati.

(Mohd Rosli Saludin, 2009: 55)

Teromba nasihat di atas memberi mesej kepada semua tentang sikap yang baik walaupun tidak perlu selari dengan imej dan pemakaian yang dipakai. Walaupun kita mempunyai dengan pakaian yang mahal dan cantik, sikap menghormati dan menjaga perasaan orang lain masih perlu diamalkan. Keadaan merendah diri di dalam teromba ini boleh dikesan dengan penggunaan perkataan ‘biarlah buruk kain dipakai’ iaitu memberi gambaran tentang keadaan seseorang yang tidak kaya dan tidak hidup dalam kemewahan.

Kain buruk itu juga telah jelas menunjukkan bahawa mungkin pakaian yang dipakai itu sangat lama dan tidak kelihatan cantik lagi. Pun begitu seseorang itu memakai pakaian lama dan buruk, penutur ini masih menyelit nasihat yang berguna kepada orang lain untuk dijadikan panduan. Nasihat itu boleh dilihat daripada penggunaan kata-kata ‘asal pandai mengambil hati’. Nasihat ini telah memberitahu bahawa kita mestilah bijak dalam menarik dan menjaga hati orang lain lebih-lebih lagi yang lebih tua. Imej dan pakaian yang buruk dan lama tidak menjadi penentu seseorang individu tidak hormat akan orang lain juga.

Kelebihan kepada orang lain yang ditunjukkan di dalam rangkap teromba ini adalah tentang kelebihan pandai dan bijak dalam mengambil hati sesiapa sahaja. Perkara ini sangat penting untuk dilakukan supaya semua yang bersama dengan kita berasa sangat tenang dan tidak susah. Unsur meminimumkan diri sendiri pula terletak pada pemakaian buruk seperti ditunjukkan di dalam teromba. Maka, maksim dermawan telah diterapkan di dalam teromba seperti di dalam dapatan di atas.

Teromba Nasihat (T3)

Kalau tuan bawa keladi,
Boleh dijual sambil duduk,
Elok diturut resmi padi,
Semakin berisi, semakin tunduk.

(Mohd Rosli Saludin, 2009: 55)

Dalam dapatan di atas, teromba pengacaraan majlis berbentuk nasihat ini menyampaikan mesej tentang sikap sentiasa rendah diri walaupun mempunyai pelajaran yang tinggi. Elemen perlambangan padi telah digunakan untuk menghuraikan mesej tersebut. Hal ini dikatakan demikian kerana padi merupakan tumbuhan yang akan tunduk ke bawah jika padi ini sudah penuh dengan isinya. Isinya itu merujuk kepada beras yang digunakan dan ditanak menjadi nasi. Dalam contoh teromba itu, perkataan ‘resmi padi’

dan ‘semakin berisi, semakin tunduk’ merupakan penanda kepada maksim dermawan ini. Melihat kepada sifat padi ini wajar dicontohi oleh manusia dan sudah semestinya kita juga perlu disiapkan dengan budi pekerti yang cukup tinggi.

Justeru itu, elemen dermawan yang boleh dibuktikan melalui bait-bait teromba ini seperti meminimumkan sifat diri itu dengan cara sentiasa tunduk dan hormat kepada sesiapa pun walaupun diri itu mempunyai taraf pendidikan yang tinggi mahupun datang daripada golongan yang kaya. Kesan baik yang boleh diperoleh daripada sikap ini ialah kita akan sentiasa dihormati dan disayangi oleh semua orang. Elemen dermawan juga jelas ditunjukkan apabila diri kita sendiri menghormati orang lain, barulah kita akan dihormati oleh orang lain pula.

Kesimpulannya, maksim dermawan merupakan teladan yang sangat baik untuk dicontohi oleh pengacara majlis dalam mengungkapkan teromba. Fungsi teromba juga adalah untuk menyampaikan pesanan dan nasihat kepada semua pembaca juga, semoga teromba pengacara majlis yang dibaca dengan maksim dermawan ini mampu untuk membentuk peribadi yang baik dalam kalangan diri sendiri, keluarga, mahupun rakan-rakan dalam majlis keramaian.

4.2.6 MAKSIM SOKONGAN

Konsep dalam maksim sokongan adalah berkisarkan tindakan penutur yang meminimumkan kata-kata cacian malah meningkatkan kata-kata pujian kepada orang lain sewaktu berkomunikasi. Hakikat sebenar dalam maksim ini membawa kepada tindakan mengampu seseorang namun kita tidak boleh mengatakan sebegitu rupa kerana akan membawa kepada maksud yang kurang sopan dan tidak elok didengar orang oleh orang lain. Lazimnya, elemen di dalam maksim sokongan adalah bertujuan memberi kata-kata

yang positif seperti pujian supaya pendengaran itu akan terus mempunyai semangat dan meletakkan usaha yang lebih dalam melakukan sesuatu perkara.

Dari sudut psikologinya, maksim ini amat sesuai untuk membina sebuah hubungan yang sangat baik. Hal ini dikatakan demikian kerana kata-kata yang positif akan membawa perubahan minda yang baik juga. Menurut Noor Hisham Abdullah (2021), telah melampirkan fakta tentang kes bunuh yang berlaku sejak Januari sehingga Julai pada tahun 2021. Terdapatnya peningkatan sebanyak 143 peratus jika dibandingkan dengan tahun sebelumnya. Berdasarkan laporan daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM) pula, jumlah itu terus meningkat 1.4 kali ganda berbanding tahun lalu. Penelitian data ini sebenarnya memberi gambaran jelas bahawa masyarakat di Malaysia memerlukan satu minda yang sihat dan juga bebas daripada kata-kata yang negatif daripada orang lain. Untuk memastikan kesihatan mental sentiasa dijaga, kita perlu sentiasa menerima kata-kata positif dan memberi sokongan moral kepada diri dan juga orang lain. Lantas, perkara ini sangat bersesuaian dengan maksim sokongan iaitu menuntut penutur untuk sentiasa menggunakan kata-kata yang baik malah memberi sokongan moral kepada semua orang.

Memandangkan maksim sokongan ini sangat berkait rapat dengan aspek memberi pujian. Maka, teromba pengacaraan majlis yang berbentuk puji-pujian sangat sesuai untuk menggambarkan situasi ini. Teromba berbentuk pujian ini rata-ratanya digunakan oleh pengacara majlis adalah untuk memberi pujian kepada golongan yang diraikan seperti pengantin, tetamu jemputan yang menjadi perasmi atau pemberi ucapan ataupun memberi pujian kepada para pengunjung di dalam majlis itu pula. Di bawah merupakan contoh teromba yang boleh menghuraikan maksim sokongan dengan lebih terperinci:

Teromba Puji-Pujian (T2)

Kalau tuan pergi ke paya,
Sambil mencari anak dara,
Sama muda sama sebaya,
Ibarat pinang dibelah dua.

(*Mohd Rosli Saludin, 2009: 54*)

Teromba di atas telah memberi pujian kepada sepasang kekasih. Antara pujiannya ialah tentang pasangan kekasih tersebut kelihatan sangat secocok. Elemen perbandingan juga turut diletakkan iaitu dengan membandingkan pasangan ini sepadan melalui umur mereka yang sama serta dengan membandingkan dengan sifat peribahasa iaitu 'ibarat pinang dibelah dua'. Melalui pujian yang diletakkan di dalam teromba ini, pasangan kekasih yang mendengar pujian akan berasa sangat gembira kerana orang lain juga suka melihat hubungan mereka yang sangat secocok dan sepadan. Hal ini akan menghasilkan satu keadaan yang positif tanpa penggunaan kata-kata yang menyakitkan hati sesiapa juga. Oleh itu, teromba ini juga telah memenuhi maksim sokongan yang telah digagaskan oleh Leech dalam teori kesantunan bahasanya.

Tambahan pula, teromba biasa dituturkan oleh pengacara majlis di dalam sebuah majlis seperti majlis persandingan. Sudah menjadi tugas pengacara majlis untuk meraikan pasangan pengantin di dalam majlisnya. Lalu, penggunaan teromba pujian seperti di atas sangat sesuai digunakan. Pengunjung dan tetamu juga akan berasa sangat senang hati dan selesa mendengar kata-kata yang digunakan oleh pengacara majlis tersebut. Pada konteks berbeza pula, pengacara majlis juga boleh memberi pujian kepada para teamu juga. Hal ini dikatakan demikian kerana tahap kecekapan pengacara majlis boleh diukur dengan hebatnya mengawal perasaan dan perhatian khalayak ramai. Melalui teromba puji-pujian ini, pengacara majlis boleh menjalankan tugasnya dengan baik. Berikut merupakan contoh teromba pujia-pujian yang lain pula:

Teromba Puji-Pujian (T2)

Awa-awa kena belatik,
Sayang cik cepa mudik bergalas,
Adik cantik abang pun cantik,
Bagai dakwat dengan kertas.

(*Mohd Rosli Saludin, 2009: 54*)

Teromba di atas ini pula adalah dikhaskan untuk para pengunjung di dalam sebuah majlis pula. Penggunaan frasa yang berbentuk pujian itu dapat ditunjukkan melalui frasa ‘adik cantik abang pun cantik’. Sudah menjadi normal jika kita diberi pujian cantik dari segi rupa, kita akan menjadi riang dan gembira. Tetamu di dalam majlis bukan sahaja dijemput malah disambut dan diberi dengan kata-kata yang baik juga. Konsep ini sangat menepati maksim sokongan iaitu asasnya memberi semangat, puji-pujian dan perkara positif dengan orang yang dituturnya. Konsep ini juga turut disokong iaitu dalam perbualan yang biasa, apabila seseorang memberi pujian kepada pendengar, sikap ini akan mencerminkan sikap yang baik dalam perhubungan (Teo Kok Seong, 2012). Abdul Sukor Shaari, Nuraini Yusoff dan Mohd Isha Awang (2003) juga turut bersetuju bahawa memberi pujian kepada orang lain merupakan salah satu benda penghargaan. Kesan daripada tindakan ini akan menghasilkan hubungan komunikasi yang lebih baik. Dalam konteks masyarakat Melayu pula, Noriati Abd Rashid (2007) mengatakan bahawa pujian yang diberi oleh masyarakat Melayu tidak semestinya dengan tujuan mengampu malah dengan tujuan pujian sahaja. Perkara hanya akan digunakan pada masa dan keadaan yang sesuai dan merupakan antara strategi menjaga kesantunan juga.

Kesimpulannya, maksim sokongan merupakan salah satu elemen di dalam teori kesantunan bahasa yang digagaskan oleh Leech. Maksim sokongan ini merupakan satu konsep yang sangat baik untuk diamalkan dalam pertuturan dan juga dalam penggunaan kata-kata. Pengkaji juga telah berjaya menunjukkan hubung kait antara teromba puji-pujian ini dengan maksim sokongan. Terdapat perkaitan yang sangat jelas antara dua

perkara ini kerana teromba juga kaya dengan penggunaan bahasa yang indah dan baik lantas maksim sokongan itu telah pun diterapkan dalam bait-bait teromba itu.

4.2.7 MAKSIM KERENDAHAN HATI

Konsep yang terdapat pada maksim kerendahan hati ialah tindakan untuk mengurangkan bentuk pujian dan memperbanyak cacian terhadap diri sendiri. Maksim ini mendedahkan bahawa penutur akan bersikap rendah diri sehingga pendengar merasakan mereka sedang memberi cacian terhadap diri mereka. Secara langsung sikap akan menghindar seseorang itu daripada bercakap besar kepada orang lain. Bercakap besar merupakan salah satu larangan sosial. Sifat kerendahan hati itu akan diukur melalui kata-kata yang digunakan yang berunsurkan rendah diri. Tindakan ini juga merupakan salah satu cara untuk mengingatkan diri bahawa pujian hanyalah untuk pujian sahaja dan supaya lebih berusaha. Namun, wujud juga perbezaan konsep antara maksim kerendahan dan maksim sokongan kerana maksim kerendahan lebih menumpukan kepada diri sendiri bagi melahirkan interaksi yang sopan dan selesa.

Dalam konteks pengacara majlis, hal ini akan berfungsi dengan cara yang sama juga. Hal ini kerana jika penutur atau pengacara majlis mengungkap ayat yang merendah diri di dalam teks, mereka akan dipandang tinggi dan mulia oleh para tetamu. Secara tidak langsung akan memberi keselesaan antara pengacara dan juga tetamu semasa majlis berjalan. Perkataan cacian tidak akan digunakan secara terus oleh pengacara majlis namun di dalam teromba juga ada beberapa perkataan yang boleh disifatkan sebagai rendah diri atau menunjukkan diri dalam keadaan hina. Beginilah maksim kerendahan hati akan berfungsi di dalam teromba pengacaraan majlis.

Teromba Nasihat (T3)

Kalau tuan pergi ke kedai,
 Belikan saya sebuku roti,
 Biarlah buruk kain dipakai,
 Asal pandai mengambil hati.

(*Mohd Rosli Saludin, 2009: 55*)

Dapatan di atas merupakan salah satu contoh teromba yang berbentuk nasihat. Nasihat yang disampaikan dalam ungkapan ini adalah tentang sikap untuk sentiasa menjaga dan mengambil hati semua orang walaupun diri itu serba kekurangan. Maksim kerendahan hati dapat dikesan oleh pengkaji melalui penggunaan kata ‘biarlah buruk kain dipakai’. Istilah ini secara literalnya bermaksud pakaian atau baju yang dipakai itu sudah dalam keadaan buruk. Hal ini akan merujuk terus kepada keadaan seseorang tidak kaya, serba miskin atau tidak mampu untuk membeli keperluan asas. Namun, mesej disebalik ungkapan ini adalah tentang keadaan diri yang tidak sempurna. Tidak sempurna itu juga boleh merujuk kepada tahap kekayaan seseorang. Maka, walaupun kita tidak mempunyai duit yang banyak dan tidak kaya, kita perlu sentiasa menjaga hati semua orang dan tidak melukakan hati mereka. Sudah ditunjukkan dengan jelas tentang unsur kerendahan hati itu wujud dalam contoh teromba di atas iaitu dengan tidak membicarakan diri sendiri yang tidak kaya. Lihat pula contoh yang seterusnya dalam dapatan 8:

Teromba Nasihat (T3)

Anak merbuk sarang di luar,
 Pucuk paku sedap dimakan,
 Saya budak baru belajar,
 Kalau salah tolong tunjukkan.

(*Mohd Rosli Saludin, 2009: 60*)

Contoh teromba di atas ini juga telah diterapkan dengan maksim kerendahan hati. Boleh dilihat dengan jelas melalui penggunaan ayat ‘saya budak baru belajar’. Ayat ini telah merujuk kepada diri seseorang yang tidak cukup ilmu, masih baru dalam

mempelajar sesuatu ilmu. Jadi, penutur yang membaca teromba ini cuba untuk menyampaikan kepada semua bahawa dia masih cetek dalam ilmu. Perkara ini akan membawa kepada sifat rendah diri kepada seseorang. Hal ini kerana jika kita ingin menuntut ilmu, kita mestilah sentiasa rendah diri dan tidak boleh melebihi daripada orang lain yang mengajar kita. Pembuktian ini telah disokong oleh Tenas Effendy (2011) yang memberitahu bahawa antara sifat jati diri Melayu ialah mempunyai sikap ‘rendah hati’ iaitu bertindak dengan sopan santun, tidak meletakkan diri itu tinggi, tidak berlagak dan tidak membanggakan harta dan juga pangkat. Dengan kata lain juga, rendah hati memberi maksud memiliki sifat sabar, sentiasa berlapang dada dan tidak memandang rendah orang lain.

Pengamalan maksim kerendahan hati di dalam pengacaraan majlis akan menimbulkan beberapa kesan baik. Hal ini kerana sifat rendah hati ini memberi cerminan orang Melayu yang saling menghargai dan menghormati orang lain. Penggunaan istilah kata ganti nama diri pertama ‘saya’ dalam teromba di atas telah maksimumkan keuntungan dalam kalangan penutur. Kata ganti nama diri pertama ini juga membuktikan rasa hormat pengacara majlis kepada tetamu juga. Sifat hormat ini yang menjadikan majlis lebih formal dan berada dalam kesantunan bahasa. Rangkumannya, penggunaan maksim kerendahan hati dalam pertuturan mahupun teks pengacaraan majlis sangat dituntut dan digalakkan kerana melihat kepada kesan baik yang sangat memberi manfaat kepada semua pihak.

4.2.8 MAKSIM SOKONGAN

Tindakan untuk mengelakkan dan mengurangkan salah faham dan pergaduhan juga wujud di dalam teori kesantunan bahasa. Konsep ini merujuk kepada maksim persetujuan. Dengan kata mudah, maksim ini menuntut penutur dan pendengar untuk berusaha membuat persepakatan antara satu sama lain. Mereka akan cuba melahirkan satu bentuk komunikasi yang harmoni tanpa kebencian. Tanggungjawab maksim ini bukan saja terletak pada penutur sahaja malah pendengar turut berfungsi menjalankan konsep maksim persetujuan ini. Pengkaji mendapati bahawa maksim tidak akan terpakai di dalam teromba pengacaraan majlis. Hal ini kerana situasi sebagai pengacara majlis hanya melibatkan komunikasi satu hala sahaja bukannya dua hala. Ini bermaksud tetamu majlis tidak akan berkomunikasi bersama pengacara majlis untuk mencapai maksim persetujuan. Malah, teromba juga dicipta sebagai satu bentuk komunikasi satu hala juga. Tidak memerlukan sebaga respon balas daripada pendengar.

Namun, maksim ini hanya boleh terbukti melalui komunikasi dua hala antara penutur dan pendengar. Mereka perlu bersetuju antara satu sama lain. Contoh yang paling sesuai ialah perbualan antara ibu dan anak-anak. Seorang ibu pasti tahu perkara yang baik dan akan memberi arahan kepada anaknya untuk patuh. Oleh itu, fungsi sebagai anak adalah untuk bersetuju dengan arahan tersebut dan mematuhi. Jika seorang anak cuba untuk tidak bersetuju dengan arahan ibunya, perbualan antara mereka akan terjerumus kepada perbalahan.

Perbualan yang menerapkan maksim persetujuan tidak akan berlakunya konflik dengan penggunaan unsur pernyataan. Unsur ini dapat meningkatkan kefahaman apabila salah seorang penutur atau pendengar memberi respon yang positif dalam perbualan. Pengaplikasian unsur ini akan membantu mengelakkan mana-mana pihak kecil hati.

Situasi ini memberi gambaran kelancaran komunikasi daripada mengelakkan terjadi perbalahan di dalam perbualan (Sara & Indirawati, 2015).

4.2.9 MAKSIM SIMPATI

Maksim simpati turut terjadi dengan keadaan yang sama iaitu tidak boleh dibuktikan dalam bentuk teromba pengacaraan majlis. Hal ini kerana intipati konsep dalam maksim simpati adalah berkisar keperibadian seseorang itu. Maksim ini merujuk kepada keadaan menunjukkan simpati terhadap orang lain berbanding diri sendiri. Sifat simpati dalam peribadi seseorang itu boleh diukur apabila penutur berusaha membuang perasaan marah dan tidak elok terhadap pendengar yang cuba menentang dan akan melahirkan simpati pula kepada orang itu. Perkara ini tidak sama sekali dengan fungsi pengacara majlis. Pengacara majlis hanya bertugas untuk mengawal kelancaran majlis menggunakan arahan dan kata-kata yang sesuai. Tidak sesekali akan mewujudkan ruang antara pengacara majlis dan tetamu juga.

Malahan, teromba yang dicipta dan dibincangkan pada kajian ini dilihat tidak wujud unsur simpati dalam penggunaan kata. Teromba sudah diterang sebelum ini bahawa cirinya lebih bersifat kepada panduan, nasihat dan bentuk komunikasi satu hala sahaja daripada penutur. Oleh itu, maksim simpati tidak boleh dibuktikan di dalam teromba pengacaraan majlis kerana terdapat perbezaan sifat konsepnya. Namun, pengkaji juga mendapati bahawa maksim ini simpati merupakan satu pegangan yang hanya diukur berdasarkan sifat individu sahaja. Hanya individu sahaja yang boleh melahirkan simpati kepada seseorang dan menterjemahkannya dalam bentuk kata-kata pula.

4.2.10 KESIMPULAN

Berdasarkan analisis menunjukkan bahawa maksim kesantunan bahasa Leech yang paling banyak didapati ialah maksim sokongan dengan peratus sebanyak 34.28 peratus dan maksim yang berikutnya ialah maksim kebijaksanaan dengan 28.57 peratus. Maksim dermawan juga mempunyai jumlah ketiga terbanyak iaitu sebanyak 22.85 peratus. Manakala maksim yang paling rendah ialah maksim kerendahan hati dengan 14.28 peratus. Namun, maksim persetujuan dan maksim simpati tidak mencatatkan apa-apa dapatan daripada analisis. Kesemua teromba yang telah dikaji di dalam buku *Teromba Pengacaraan* Majlis telah menunjukkan secara keseluruhan maksim kesantunan bahasa Leech.

Pengkaji menyedari bahawai pengaplikasian kesemua maksim kesantunan bahasa di dalam setiap bait-bait teromba pengacaraan majlis telah memberi cerminan penggunaan bahasa yang baik. Perkara ini dapat dilihat dengan penggunaan istilah atau perkataan seperti terima kasih dan pemberian pujian kepada para tetamu di dalam majlis yang membuktikan bahawa usaha dalam menjaga komunikasi. Maksim dermawa juga boleh diukur melalui nasihat yang disampaikan pada setiap teromba dan ini memang mempunyai perkaitan tentang fungsi teromba itu sendiri.

Perkara ini bukan sekadar kesantunan bahasa namun kesudian dalam memberi nasihat kepada semua orang juga. Bagi maksim persetujuan dan maksim simpati tidak dapat dibuktikan di dalam penggunaan teromba. Hal ini dikatakan demikian kerana maksim ini menuntut kepada komunikasi dua hala antara penutur dan pendengar. Sedangkan penyampaian teromba dan pengacara majlis itu bersifat komunikasi sehalu sahaja. Selain itu, maksim sokongan telah disampaikan dengan penggunaan istilah pujian


daripada penutur kepada seseorang. Sokongan yang diberikan itu merupakan salah satu cara untuk memberi semangat dan memberi dorongan kepada seseorang.



UNIVERSITI



MALAYSIA



KELANTAN

BAB 5

KESIMPULAN

5.1 PENGENALAN

Pada bahagian bab 5 ini, pengkaji akan memfokuskan dan menilai semula semua dapatan kajian yang telah pun dibincangkan sebelum ini. Kronologi bab ini akan dibahagikan kepada tiga peringkat utama iaitu rangkuman kajian, cadangan penambahbaikan kepada kajian dan akhir sekali ialah kesimpulan.

Dalam perbincangan sebelum ini, pengkaji mendapati bahawa pada ungkapan teromba tertanam juga secara tidak langsung aspek kesantunan bahasa yang menjadikan teromba sebagai pantun tradisional yang sangat kaya dengan penggunaan bahasa yang indah. Hal ini juga turut membuktikan bahawa bangsa Melayu itu sememangnya dibudayakan dengan kesopanan dalam tutur kata. Cerminan adab yang baik juga telah melambangkan bahawa masyarakat pada zaman dahulu juga mempunyai ilmu dan daya intelektual yang tinggi dalam memilih kata-kata jika ingin berinteraksi dengan sesiapa.

Oleh itu, pengkaji telah memilih untuk membuat kajian lebih mendalam dengan penggunaan teromba yang sering digunakan oleh pengacara majlis dalam teks pengacaraan majlis. Koleksi teromba yang telah dikumpulkan oleh Rosli Saliudin di dalam buku yang bertajuk Teromba Pengacaraan Majlis, telah digunakan oleh pengkaji untuk menghasilkan analisis yang lebih tepat bagi menjawab persoalan di dalam kajian ini. Demi memastikan kajian yang dihasilkan ditambahbaik pada masa hadapan untuk

kegunaan semua pihak, pengkaji juga akan memberi beberapa cadangan yang relevan sebagai refleksi kepada kajian yang dijalankan ini.

5.2 RUMUSAN KAJIAN

Tirai kajian dibuka dengan pengkaji memulakan perbincangan pada bab satu tentang pengenalan pada kajian ini. Pengkaji telah menerangkan beberapa perkara seperti latar belakang kajian, pernyataan masalah kajian, persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, definisi secara konsep, batasan kajian juga kesimpulan pada kajian ini.

Melalui pengenalan kajian, pengkaji telah mengetengahkan pengertian teromba sebagai sebuah puisi tradisional dan juga pantun adat bagi masyarakat yang mengamalkan Adat Perpatih di Negeri Sembilan. Dalam perbincangan itu juga, pengkaji difahamkan bahawa teromba merupakan sebuah pantun adat yang menjadi pegangan dan panduan kepada masyarakatnya. Kebiasannya fungsi pantun itu adalah untuk berjenaka dan juga memberi nasihat. Namun, terdapat pada suatu masa teromba ini dijadikan pantun adat yang menjadi pedoman mereka dalam menjalankan adat istiadat dalam masyarakat mereka. Teromba juga masih berfungsi sebagai medium untuk menyampaikan nasihat, nilai murni dan pengajaran kepada semua lapisan masyarakat.

Pengkaji memastikan penulisan yang dihasilkan mempunyai maklumat yang lengkap, tinjauan literatur telah digunakan untuk mengupas tajuk ini dengan pelbagai sudut pandangan. Antara kajian lepas yang dijalankan adalah kajian tentang teromba, kajian tentang pengacara majlis dan juga kajian tentang aspek kesantunan bahasa. Kajian teori Kesantunan Bahasa Leech juga turut disorot bagi mendapatkan fahaman yang jelas

tentang teori ini. Antara sumber yang dirujukan di dalam tinjauan literatur ini adalah seperti tesis, kajian mahupun artikel yang ditulis oleh pengkaji-pengkaji lain juga.

Dari segi kaedah kajian yang dijalankan telah merangkumi rekabentuk kajian, kaedah kajian dan penerapan teori yang bakal digunakan. Pengkaji menjalankan kajian ini secara kualitatif dengan cara menganalisis teks teromba melalui buku *Teromba Pengacaraan Majlis* dengan tujuan untuk mendapatkan data yang berkaitan dengan kajian. Bukan itu sahaja, data kajian juga telah dikumpul daripada bahan bacaan di perpustakaan, penulisan artikel, jurnal dan tesis yang boleh diakses secara dalam talian. Teori yang digunakan dalam kajian ini adalah dipelopori oleh Leech yang cukup menjelaskan prinsip untuk mengenal pasti kesantunan bahasa. Terdapat beberapa maksim yang diketengahkan di dalam teori ini juga mengukur sejauh mana aspek kesantunan bahasa itu boleh dicapai daripada komunikasi seharian.

Pengkaji dapat merumuskan bab 4 adalah tentang analisis dapatan kajian yang berjaya dikumpul. Kesemua dapatan kajian ini juga akan membantun untuk menjawab objektif kajian yang telah digariskan pada bab sebelum ini. Antara objektif tersebut ialah pertama: pengkaji ingin mengkaji jenis teromba yang terkandung di dalam buku *Teromba Pengacaraan Majlis* dan kedua pula ialah pengkaji ingin menganalisis kewujudan aspek kesantunan bahasa yang wujud di dalam teromba yang digunakan di dalam pengacaraan majlis.

Daripada penelitian yang telah dilakukan, pengkaji mendapati bahawa aspek kesantunan telah pun wujud pada setiap bait-bait yang terkandung di dalam teromba yang dikaji. Hal ini juga turut selari dengan peranan utama teromba itu sendiri sebagai medium didikan dan menyampaikan nasihat, teguran serta panduan di dalam adat. Penggunaan bahasa yang santun dan sopan akan terus mengangkat kualiti dan martabat teromba kepada satu tahap kesatuan bahasa yang berbeza. Bagi memastikan aspek kesantunan

bahasa boleh dibuktikan dengan tepat, pengkaji menggunakan teori kesantunan bahasa Leech dengan beberapa maksim yang telah digariskan di dalam seperti maksim kedermawanan, maksim baik hati dan sebagainya.

Sebagai penutup kajian ini, bab lima akan berkisarkan tentang rumusan umum daripada kajian yang telah dihasilkan. Rangkuman juga turut dibuat daripada setiap bab dan akan melampirkan juga implikasi kajian kepada para pembaca dan masyarakat. Di samping mendedahkan kepada para pembaca tentang keindahan dan kesantunan bahasa yang terdapat pada teromba, kajian ini secara tidak langsung juga telah membuka dimensi pembacaan baharau kepada pembaca untuk lebih kreatif dalam menjalankan tugas sebagai pengacara majlis iaitu dengan memasukkan elemen teromba ini.

5.3 IMPLIKASI KAJIAN

Implikasi atau istilah lainnya iaitu kesan ditakrifkan sebagai input yang didapati daripada oleh seseorang daripada sesuatu perkara. Pada bahagian ini, kita akan mendapat melihat beberapa implikasi yang akan diperolehi beberapa pihak yang mempunyai kaitan dengan kajian ini. Justeru itu, implikasi akan dilihat kepada beberapa kelompok besar iaitu individu, masyarakat dan juga negara adalah seperti berikut:

5.3.1 IMPLIKASI KAJIAN KEPADA INDIVIDU

Implikasi dan kesan kepada individu ini akan dinilai daripada individu yang membaca kajian dan penulisan ini. Disebabkan kajian ini telah menfokuskan subjek kajian tentang teromba, maka ini telah membantu untuk memberi pendedahan secara terus kepada individu yang tidak mempunyai pengetahuan tentang teromba ataupun tidak langsung tahu akan kewujudan teromba ini. Hal ini terjadi kerana pada peringkat sekolah,

kita hanya didedahkan dengan puisi tradisional yang asas seperti pantun, syair, gurindam dan seloka. Teromba jarang diberi fokus dan pendedahkan kepada semua orang tentang struktur, fungsi dan bentuknya.

Implikasi kepada individu juga boleh dilihat kepada golongan individu yang baru sahaja menceburkan diri di dalam bidang pengacaraan majlis. Apabila mereka menjadikan kajian ini sebagai bahan rujukan, mereka akan mendapat input secara terus tentang keistimewaan penggunaan teromba ini di dalam pengacaraan majlis. Disebabkan teromba sangat kaya dengan penggunaan bahasa yang santun dan sopan. Semoga kajian akan membantu untuk menyuburkan malah melahirkan pengacara majlis yang bijak dalam penggunaan kata-kata.

5.3.2 IMPLIKASI KAJIAN KEPADA MASYARAKAT

Antara input dan implikasi yang boleh diperoleh masyarakat ialah tentang kepentingan menerapkan elemen kesantunan bahasa di dalam komunikasi. Jika dilihat semula pada bahagian analisis sebelum, pengkaji juga turut menghuraikan maksimum-maksimum yang telah menandakan kesantunan bahasa itu terjadi. Antaranya seperti maksimum kedermawanan yang ditanda dengan penggunaan kata yang bersifat memuji kepada orang yang sedang mendengar. Hal ini akan membawa ke arah satu bentuk hubungan komunikasi yang baik dan harmoni. Mesej daripada analisis boleh diambil pengajaran kepada masyarakat untuk diamalkan dalam komunikasi sehari-harian. Ini menunjukkan betapa penting pemilihan kata di dalam percakapan. Akhirnya, masyarakat yang mengamalkan kesantunan bahasa seperti ditegaskan di dalam kajian akan membawa kepada masyarakat yang sentiasa aman dan tiada salah faham dalam komunikasi.

5.3.3 IMPLIKASI KAJIAN KEPADA NEGARA

Implikasi kajian ini kepada negara akan membawa kepada satu tahap yang sangat penting tentang warisan nenek masyarakat Melayu. Teromba merupakan salah satu pantun tradisional juga, yang telah lama menjadi pegangan kepada masyarakat adat perpatih dalam merujuk segala pantang larang, peraturan dan adat istiadat yang perlu dijalankan di dalam kelompok mereka. Teromba ini pada asalnya diturunkan secara oleh nenek moyang kita namun telah wujud beberapa usaha untuk membukukan teromba-teromba tersebut supaya menjadi rujukan kepada generasi pada zaman kini. Namun, berbeza pula cabaran pada zaman kini iaitu dari aspek pengamalan teromba ini dalam kalangan masyarakat. Realiti kini ialah tidak ramai lagi kelompok atau masyarakat di dalam adat perpatih ini menjadikan teromba ini sebagai rujukan utama lagi. Hal ini akan menyebabkan pembudayaan teromba akan mula terhakis dan akhirnya teromba juga boleh hilang di dalam kalangan masyarakat.

Pengkaji mengharapkan supaya penulisan dan kajian akan membantu menyuburkan semula teromba ini sebagai salah satu warisan di dalam negara kita. Walaupun teromba ini tidak diamalkan lagi dalam adat istiadat namun penggunaannya masih relevan di dalam majlis sebagai penghias kata-kata juga. Semoga negara Malaysia tidak akan hilang teromba ini sebagai sebuah warisan adat yang penting juga.

5.4 CADANGAN

Dalam setiap perkara pasti akan ada ruang untuk sebarang penambahbaikan. Termasuk juga dengan kajian yang dihasilkan ini. Pengkaji berpendapat bahawa banyak lagi kelemahan yang terdapat pada hasil penulisan ini. Disebabkan itu pengkaji akan mengatakan beberap cadangan yang boleh dilakukan oleh pihak lain atau pengkaji akan datang untuk tajuk yang sama. Cadangan ini juga menunjukkan bahawa kajian ini sangat penting untuk dibawa kepada peringkat yang lebih tinggi terutama dalam peringkat dasar kerajaan dan pelaksanaannya. Antara cadangan yang akan diutarakan oleh pengkaji ialah seperti memasukkan pengajaran teromba di dalam silibus pendidikan, memperluas kajian makna yang terdapat pada kata-kata adat teromba dan juga memperbanyak kajian dalam aspek kesantunan bahasa pada puisi tradisional yang lain pula.

5.4.1 MENERAPKAN PENGAJARAN TEROMBA DI DALAM SILIBUS PENDIDIKAN.

Umum mengetahui bahawa di dalam silibus pendidikan sedia ada, bidang sastera hanya didedahkan secara asas sahaja pada pelajar di peringkat sekolah menengah. Mereka hanya difokuskan kepada bidang sastera seperti pantun, gurindam, syair, drama, novel dan sebagainya. Silibus sedia ada ini tidak cukup untuk mendedahkan para pelajar lebih awal bahawa ada juga kewujudan puisi tradisional yang lain yang menjadi warisan nenek moyang dan juga diangkat sebagai warisan negara juga. Pengajaran teromba kepada para pelajar pada peringkat awal juga akan membantu memupuk minat mereka di dalam bidang sastera dan ingin terus menceburinya ketika berada pada peringkat menengah atas atau selepas peringkat sekolah.

5.4.2 MEMPERLUAS KAJIAN TENTANG MAKNA YANG TERDAPAT PADA KATA-KATA ADAT TEROMBA

Pengkaji mengakui bahawa kajian kali ini tercakupi kepada kata-kata adat yang terdapat teromba. Hal ini kerana pengkaji menghadapi kesukaran untuk memahami bait-bait yang tersirat pada kata-kata ada tersebut. Sesungguhnya penggunaan bahasa pada kata-kata adat sangat tinggi dan sukar untuk melihat aspek kesantunan bahasa itu secara mudah. Oleh itu, pengkaji mencadangkan bahawa akan ada pengkaji lain yang akan membantu memperluas kajian teromba ini kepada pemaknaan kata-kata adat. Perkara ini secara tidak langsung juga akan membantu pengkaji dan pembaca untuk memahai isi kandungan di dalam kata-kata adat dengan lebih mudah.

5.4.3 MEMPERBANYAK KAJIAN DALAM ASPEK KESANTUNAN BAHASA PADA PUISI TRADISIONAL YANG LAIN

Sepanjang menjalankan kajian ini, pengkaji dapat menyimpulkan bahawa kesantunan bahasa merupakan satu perkara yang telah pun diamalkan oleh masyarakat pada zaman dahulu secara tidak sedar. Kita menyedari bahawa bahasa Melayu itu sangat indah dan penuh dengan sopan dan pekertinya. Termasuk juga pada teromba yang telah dikupas di dalam kajian ini. Pengkaji percaya bahawa aspek kesantunan juga mampu dikupas dan dikesan dengan baik pada puisit tradisional lain seperti seloka, nazam, gurindam mahupun syair. Dalam pada masa yang sama cadangan ini akan terus mengangkat nilai kesantunan bahasa yang terdapat pada karya sastera Melayu juga.

5.5 KESIMPULAN

Rumusan mudah yang dibuat oleh pengkaji ialah kesantunan bahasa merupakan satu keperluan dalam penggunaan bahasa kita. Penutur yang berjaya menerapkan kesantunan bahasa pada setiap percakapan itu sebenarnya telah membawa cerminan jelas bahawa penutur mempunyai kebijaksanaan dalam menyusun kata-kata apabila berkomunikasi dengan sesiapa sahaja. Selain itu, kajian ini diharapkan akan memberi kesedaran kepada masyarakat bahawa teromba juga merupakan puisi tradisional yang perlu dipertahankan bersama dalam kalangan masyarakat sekaligus warisan negara Malaysia dipelihara dan dijaga. Besar hati pengkaji jika kajian dan cetusan minda ini dijadikan salah satu rujukan kepada pengkajin lain untuk menambahbaik pada kajian yang akan datang dan lebih sesuai dengan keperluan semasa juga. Kajian ini juga diharapkan menjadi medium didikan kepada masyarakat untuk melahirkan sebuah masyarakat yang mempunyai tutur kata yang murni selari dengan penekanan aspek kajian ini tentang kesantunan bahasa.

RUJUKAN

- Abdul Wahab, R. (2004). *PENGURUSAN MAJLIS DAN PROTOKOL BENGKEL "TRAINING THE TRAINERS" (3T) FASILITATOR KURSUS KOKURIKULUM BERKREDIT (KKB), UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA 1 FEBRUARI 2020 Fasi khas : ABBY SALLEH*.
https://pkpp.upm.edu.my/upload/dokumen/20200203085205Presentation_KKB.pdf
- Abu Bakar, A. L., & Saludin, M. R. (2004). Pantun dan ungkapan indah adat perkahwinan Melayu / penyelenggara, Abdul Latiff Abu Bakar, Mohd. Rosli Saludin. In *melayu.library.uitm.edu.my*. Institut Seni Malaysia Melaka.
<https://melayu.library.uitm.edu.my/820/>.
- Alviah, I. (2014). KESANTUNAN BERBAHASA DALAM TUTURAN NOVEL PARA PRIYAYI KARYA UMAR KAYAM. *Seloka: Jurnal Pendidikan Bahasa Dan Sastra Indonesia*, 3(2). <https://doi.org/10.15294/seloka.v3i2.6629>
- Ariffin, K. (n.d.). *Fungsi Pantun Dalam Masyarakat Melayu Tradisional* / PDF. Scribd. Retrieved February 2, 2023, from
<https://www.scribd.com/doc/182719009/Fungsi-Pantun-Dalam-Masyarakat-Melayu-Tradisional>
- BAB 8 : BENTUK DAN JENIS KESANTUNAN. (2018, March 1). BAB 8.
<http://nuuramirah.blogspot.com/2018/03/bab-8-bentuk-dan-jenis-kesantunan.html>
- Bakhary, N., Zainon Hamzah, Z. A., Abd Rani, M. Z., & Husin, O. (2010). Kesantunan bahasa dalam kata perbilangan adat perpatih: satu tinjauan awal. *Jurnal Linguistik*, 11, 1–20. <http://psasir.upm.edu.my/id/eprint/15376/>
- Baok, L. F. S. B., Jayantini, G. A. S. R., & Santika, D. A. D. M. (2021). The analysis of illocutionary act in hillary clinton’s speech. *ELYSIAN JOURNAL : English Literature, Linguistics and Translation Studies*, 1(2), 98–107. <https://e-journal.unmas.ac.id/index.php/elysian/article/view/1660>
- Beden, S. (2020). *Kesejajaran Kesantunan Bahasa dalam Perutusan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin dengan Prinsip Kesopanan Leech (1983)*.
www.semanticscholar.org. <https://www.semanticscholar.org/paper/Kesejajaran-Kesantunan-Bahasa-dalam-Perutusan-Pakej-Beden/a473e482c3b0ba41bcd6b5f3c1e286bed0f64900>
- Cahyani, D. N., & Rokhman, F. (2017). Kesantunan Berbahasa Mahasiswa dalam Berinteraksi di Lingkungan Universitas Tidar: Kajian Sosiopragmatik. *Seloka: Jurnal Pendidikan Bahasa Dan Sastra Indonesia*, 6(1), 44–52.
<https://doi.org/10.15294/seloka.v6i1.14763>

- Cheq Nad. (2009, September 15). *Pengacaraan majlis*. Slideshare.
<https://www.slideshare.net/derah/pengacaraan-majlis>
- Doko, Y. D. (2017). KESANTUNAN BERBAHASA DALAM KUMPULAN CERITA RAKYAT NUSA TENGGARA TIMUR. *RETORIKA: Jurnal Ilmu Bahasa*, 3(1), 159–169. <https://doi.org/10.22225/jr.3.1.163.159-169>
- Effendy, A. (2022, November 21). *Ciri-ciri utama perlu ada pada seorang Perdana Menteri | UMMAHToday | Sumber Berita Mutakhir Ummah*. Ummah Today.
<https://www.ummahtoday.com.my/ciri-ciri-utama-perlu-ada-pada-seorang-perdana-menteri/>
- Fraser, B., & Nolen, W. (1981). *The Association of Deference with Linguistic Form*. *International Journal of the Sociology of Language*, 1981, 93-109. - References - Scientific Research Publishing. (n.d.). [Www.scirp.org](http://www.scirp.org).
[https://www.scirp.org/\(S\(lz5mqp453edsnp55rrgjt55.\)\)/reference/referencespapers.aspx?referenceid=1198882](https://www.scirp.org/(S(lz5mqp453edsnp55rrgjt55.))/reference/referencespapers.aspx?referenceid=1198882)
- Fungsi pantun dalam masyarakat melayu tradisional*. (2010, September 22). Blogspot.
<http://retibasa.blogspot.com/2010/09/fungsi-pantun-dalam-masyarakat-melayu.html>
- Harzamar, L. N. (2018). *TAMBO PAGAR RUYONG VERSI NANING: SUATU PENGENALAN NASKAH*.
https://www.academia.edu/39145415/TAMBO_PAGAR_RUYONG_VERSI_NANING_SUATU_PENGENALAN_NASKAH
- Hazri, M. (2021, January 13). *Peranan Seorang Pengacara Majlis – Mohd Hazri*. People Utm. <https://people.utm.my/mohdhazri/2021/01/13/peranan-seorang-pengacara-majlis/>
- Idris, N. (1999). *Gaya Bahasa Perbilangan Adat Perpatih*.
https://www.academia.edu/download/30916314/FBMK_1999_10_A.pdf
- Jamain, N. (2021). “*PENGACARA MAJLIS PERLU BERCERITA BUKAN MEMBACA*” – YUSANANI. Malaysian Press Institute.
<https://mpi.my/release/pengacara-majlis-perlu-bercerita-bukan-membaca-yusanani>
- Kesantunan bahasa*. (2017). Blogspot. <http://entries-al-mujahadah.blogspot.com/2017/03/kesantunan-bahasa.html>
- KONSEP SOPAN-SANTUN BAHASA*. (2017, March 14). RENCANA ILMU REMAJA.
<https://rencanailmusfy.wordpress.com/konsep-sopan-santun-bahasa/>
- Lah, F. C. (2019, April 15). *Kerjaya pengacara majlis*. HM Online.
<https://www.hmetro.com.my/bestari/2019/04/444842/kerjaya-pengacara-majlis>
- Lakoff, R. (1975). *Definitions | Linguistic Politeness Research Group*. Blogs.shu.ac.uk.

<https://blogs.shu.ac.uk/politeness/about/definitions/>


- Meor Osman, W. R., & Abdul Wahab, H. (2018). Language courteousness among counsellor trainees in counseling sessions [kesantunan berbahasa kaunselor pelatih dalam sesi kaunseling]. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 18(1), 252–269. <https://ir.unimas.my/id/eprint/19934/>
- Mislikhah, S. (2020). Kesantunan Berbahasa. *Ar-Raniry, International Journal of Islamic Studies*, 1(2), 285–296. <https://doi.org/10.22373/jar.v1i2.7384>
- Mohamad Bakari, A., & Kamaruddin, R. (2019). Prinsip Kesopanan dalam Kesantunan Bahasa Drama Zahira. *International Journal of the Malay World and Civilisation*.
- Mohamad, A. R. (2013). *Nilai nasihat dalam puisi tradisional teromba*. <https://ir.upsi.edu.my/detailsg.php?det=3027>
- Mohammad Fadzeli Jaafar, Idris Aman, & Norsimah Mat Awal. (2017). Aspek kesejajaran dalam perbilangan adat berdasarkan analisis stilistik. *AKADEMIKA*, 87(1), 279–290. <http://journalarticle.ukm.my/11232>
- Mohd Samsir, S. Q., Ardi, N., & Daud, N. (2014). *Sikap ketua adat terhadap teromba* (U. Kamarulzaman, Ed.). https://www.researchgate.net/publication/309631576_Sikap_Ketua_Adat_Terdap_Teromba
- Nazlina. (2022). *Tips menjadi pengacara majlis | PUSAT PEMBANGUNAN MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI (idec)*. Idec.upm.edu.my. https://idec.upm.edu.my/berita/tips_menjadi_pengacara_majlis-55383
- Noriati, A. R. (1990). Nilai kesantunan dalam konteks sosiobudaya masyarakat Melayu. *Jurnal Pengajian Melayu*, 15, 232–253. <https://eprints.um.edu.my/11201/>
- Omar, A. (2013). Keindahan Bahasa dalam Teromba Lambang Pemerksaan Masyarakat Negeri Beradat. *Jurnal Peradaban Melayu*, 8, 111–131. <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/JPM/article/view/3233>
- Rahman, M. A., & Jafrey, M. F. (2021). Teromba in the Context of Customs, Nature Elements and the Sustainability Challenges. *The International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*. <https://www.semanticscholar.org/paper/Teromba-in-the-Context-of-Customs%2C-Nature-Elements-Rahman-Jafrey/ef20b22af62983080b89668fe838057f12222eb8>
- Rahmawati, R. (2014). ANALISIS KESANTUNAN BERBAHASA DI LINGKUNGAN TERMINAL SEKITAR WILAYAH BOJONEGORO DENGAN PRINSIP KESANTUNAN LEECH. *EDU-KATA*, 1(2), 149–158. <https://doi.org/10.52166/kata.v1i2.282>

- Rama, E. N. (2017). ANALISIS KESANTUNAN BERBAHASA DALAM WACANA HUMOR DI INTERNET (TINJAUAN PRAGMATIK). *Bahastra: Jurnal Pendidikan Bahasa Dan Sastra Indonesia*, 1(2), 18–26. <https://doi.org/10.30743/bahastra.v1i2.722>
- Razali, L. S., & Radzi, S. B. M. (2023). MOTIF MARITIM DALAM PANTUN MELAYU. *Jurnal Tuah*, 3(1). <http://www.unimel.edu.my/journal/index.php/JTuah/article/view/1255>
- Rodzi, M. (n.d.). Fungsi sastra dalam masyarakat. [Www.academia.edu](http://www.academia.edu). https://www.academia.edu/10263421/Fungsi_sastra_dalam_masyarakat
- Room, R. (2013). *Konsep Berbahasa dalam Islam*.
- Roslan, S. (2021, September 10). *Kes bunuh diri meningkat 143 peratus*. Berita Harian. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/09/862128/kes-bunuh-diri-meningkat-143-peratus>
- Saludin, M. R. (2009). *Teromba pengacaraan majlis*. Pustaka Salam SDN BHD.
- Saludin, M. R., Ismail, N. S. Azima., & Razali, N. A. (2020). *MANAGEMENT OF THE ADAT PERPATIH MATRIARCHY IN NEGERI SEMBILAN*. https://www.academia.edu/45599970/MANAGEMENT_OF_THE_ADAT_PERPATIH_MATRIARCHY_IN_NEGERI_SEMBILAN
- Saludin, M. R., Saludin, M. N., & Mustaffa, F. (2023). MENGENALI TEROMBA PERKAHWINAN DALAM WARISAN PERADABAN MELAYU. *Jurnal Tuah*, 3(1). <http://www.kuim.edu.my/journal/index.php/JTuah/article/view/1259>
- Shukor, R. binti M., Rusli, N. F. binti M., & Nallaluthan, K. (2021). Eufemisme dan disfemisme dalam komunikasi pelajar berdasarkan prinsip kesantunan leech. *PENDETA*, 12(1), 1–10. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol12.1.1.2021>
- Song, S. (2017). The Brown and Levinson theory revisited: A statistical analysis. *Language Sciences*, 62, 66–75. <https://doi.org/10.1016/j.langsci.2017.03.006>
- Wahab, S. (2006). *Panduan protokol dan tata tertib majlis*. PTS Publishing House.
- Wahidah, Y. lailatul, & Wijaya, H. (2017). Analisis Kesantunan Berbahasa Menurut Leech Pada Tuturan Berbahasa Arab Guru Pondok Pesantren Ibnul Qoyyim Putra YOGYAKARTA Tahunajaran 2016/2017 (Kajian Pragmatik). *Jurnal al Bayan UIN Raden Intan*, 9(1), 94361. <https://doi.org/10.24042/albayan.v9i1.1239>
- Zawawi, A. M. (2013). Traditions and Taboos of the Mah Meri Tribe of Tanjung Sepat, Banting, Selangor. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 6(2). <http://jurnal.dbp.my/index.php/Melayu/article/view/4526>
- Zulkifli, N. H. (2011). *Teromba sebagai alat kawalan sosial*. [Discol.umk.edu.my](http://discol.umk.edu.my). <http://discol.umk.edu.my/id/eprint/5571/>

zurinahhassan. (2017, August 20). *UNSUR ALAM DALAM PANTUN MELAYU*. ON MALAYSIAN LITERATURE. <http://zurinah1306.blogspot.com/2017/08/unsur-alam-dalam-pantun-melayu.html>



UNIVERSITI



MALAYSIA



KELANTAN